

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (JOHOR)

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

SAUNAH BINTI ZAINON

KETUA UNIT KUALITI :

SITI RAHAYU BINTI SARMAN

PENYELARAS :

SYED KHUSAIRI BIN TUAN AZAM

PENULIS :

1. SYED KHUSAIRI BIN TUAN AZAM
2. SITI RAHAYU BINTI SARMAN
3. ZARINA BINTI ABU BAKAR
4. MUHAMMAD HARIS NAQUIDDIN BIN MUDA
5. MAIZURA BINTI MD ISA @ KAMARUDIN
6. NUR HUDA BINTI JAAFAR
7. NURUL BADRIYAH BINTI ALI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dari aspek **Perancangan (Plan)**, Pengurusan Kanan UiTMCJ menggunakan pendekatan **kepimpinan inklusif** dan **budaya transformasi** dalam mentadbir urus UiTMCJ keseluruhannya dan menggerakkan **Bidang Tumpuan (BT) Pengurusan dan Pembangunan Pelajar**. Bertunjangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025 *Globally Renowned University* dan gelombang “*Globally Marketable 2023*”, UiTMCJ telah memfokuskan BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar dengan objektif strategik “**Melahirkan Mahasiswa Budiman Yang Gah Di Mata Dunia**” selaras dengan Amanat Menteri Pengajian Tinggi 2023 dan Amanat Naib Canselor UiTM 2023. Dalam usaha merealisasikan objektif strategik, UiTMCJ meletakkan **3 Fokus Keberhasilan Pelajar** iaitu *Beyond Education Toward Success (BeyondEd)*, *Creating Future Talents (FutureTalents)* dan *Empowering Entrepreneurship & Reaching Society (Sociopreneur)*. Kerangka kepimpinan Pengurusan Kanan UiTMCJ menggunakan **formula kecemerlangan #Johor4Excellence=K⁴E⁴** dalam memotivasikan warga UiTMCJ secara inklusif untuk bersama-sama merealisasikan agenda menjadikan ekosistem UiTMCJ sebagai sebuah kampus berdayahuni “*liveable campus*”.

Dari aspek **Pelaksanaan (Do)**, Pengurusan Kanan UiTMCJ melaksanakan mekanisme perluasan dengan memeterai kerjasama dua hala dan kolaborasi perkongsian pintar berimpak tinggi dengan kerajaan tempatan, kerajaan negeri, universiti serantau dan antarabangsa, badan bukan kerajaan (NGO), industri serta alumni. Rektor UiTMCJ selaku ketua PTJ telah mengilhamkan agenda *Rector's Special Projects (RSP)* yang didokong oleh 16 sub-projek. Projek jangka panjang 2022-2024 ini menjadi pemangkin pencapaian BT serta keberhasilan pencapaian Petunjuk Prestasi selaras dengan Pelan Tindakan Strategik 2023 UiTMCJ. Selain itu, Pengurusan Kanan UiTMCJ mengamalkan komunikasi dua hala menggunakan pendekatan *Top-Down* dan *Bottom-Up* dalam menyebarkan objektif dan inisiatif strategik.

Dari aspek **Pemantauan (Check)**, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah melaksanakan pelan tindakan pemantauan secara berkala bagi mengenalpasti pencapaian program-program BT melalui pelbagai mekanisme pemantauan antaranya pembentangan status pencapaian PI dan analisa keberkesanan program berdasarkan pelaporan aktiviti. Pengurusan Kanan UiTMCJ juga telah melaksanakan pemantauan bagi mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif melalui perbincangan berdasarkan pengumpulan dan analisa data, penyenaian berkaitan isu yang dihadapi serta cadangan penambahbaikan bagi setiap Petunjuk Prestasi. Risiko-risiko BT juga telah dikenalpasti semasa Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ. Selain itu, penyenaian risiko berkaitan BT juga didokumenkan di dalam Daftar Risiko UiTMCJ 2023. Ketiga-tiga inisiatif *BeyondEd*, *FutureTalents* dan *Sociopreneur* ini dilihat memiliki kategori risiko utama yang sepunya iaitu **risiko reputasi, imej dan ketampakan pelajar UiTMCJ**

Dari aspek **Penambahbaikan (Action)**, Pengurusan Kanan UiTMCJ bertindak ke atas risiko inisiatif BT dengan menggunakan mekanisme seperti **saringan pemilihan pelajar** untuk menyertai program yang dilaksanakan, **mengasimilasi** pelaksanaan program dengan **keperluan kursus akademik dan kursus kokurikulum**, penganjuran program pelajar secara **kerjasama dengan rakan strategik**.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTMCJ menggunakan **pendekatan kepimpinan inklusif** (*inclusive approach*) dan **budaya transformasi** (*cultural transformation*) dalam mentadbir urus UiTMCJ keseluruhannya dan menggerakkan Bidang Tumpuan (BT) **Pengurusan dan Pembangunan Pelajar** seperti yang dizahirkan di dalam Amanat Tahun Baharu 2023 & Sambutan 100 Hari Rektor (**Bukti 1.2.1**). Pendekatan **kepimpinan inklusif** ini diterjemahkan dengan **5 kaedah utama** iaitu:

Kaedah 1: Membina polisi dan mewujudkan budaya persekitaran inklusif

Kaedah 2: Membina kapasiti sumber

Kaedah 3: Membuat perubahan dan mengaktifkan rantaian perubahan

Kaedah 4: Menyediakan sokongan

Kaedah 5: Komunikasi dua hala & membentuk rangkaian kerjasama antara warga kampus

Kaedah 1: Membina polisi dan mewujudkan budaya persekitaran inklusif

Bertunjangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025 *Globally Renowned University* dan gelombang “*Globally Marketable 2023*”, UiTMCJ telah memfokuskan BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar dengan **objektif strategik** “Melahirkan Mahasiswa Budiman Yang Gah Di Mata Dunia” selaras dengan Amanat Menteri Pengajian Tinggi 2023 dalam fokus ke 9: **Kualiti & Kecemerlangan Akademik** & fokus ke 11: **Pemeriksaan Mahasiswa** dan Amanat Naib Canselor UiTM 2023 : **Melonjakkan Kebolehpasaran Pelajar di Peringkat Dunia**. Dalam usaha merealisasikan **objektif strategik**, UiTMCJ meletakkan **3 Fokus Keberhasilan Pelajar** iaitu *Beyond Education Toward Success (BeyondEd)*, *Creating Future Talents (FutureTalents)* dan *Empowering Entrepreneurship & Reaching Society (Sociopreneur)*. (**Bukti 1.2.2**)

Kaedah 2: Membina kapasiti sumber dan;

Kaedah 3: Membuat perubahan dan mengaktifkan rantaian perubahan

Kerangka kepimpinan Pengurusan Kanan UiTMCJ menggunakan **formula kecemerlangan #Johor4Excellence=K⁴E⁴** dalam memotivasikan warga UiTMCJ secara inklusif untuk bersama-sama merealisasikan agenda menjadikan ekosistem UiTMCJ sebagai sebuah kampus berdayahuni “*liveable campus*”. Formula kecemerlangan **#Johor4Excellence=K⁴E⁴** adalah berteraskan gabungan konsep **4K** iaitu **Kebajikan, Keprihatinan, Kekeluargaan dan Kegemilangan** yang diperkasakan dengan nilai **4E** iaitu **Empowerment** (Pemeriksaan), **Entrusted** (Kepercayaan), **Enrichment** (Pengayaan) dan **Empathy** (Empati). Penghayatan konsep **4K** di UiTMCJ dapat diterjemahkan dengan meletakkan warga UiTMCJ sebagai sebuah keluarga (**kekeluargaan**), di mana dengan sikap **keprihatinan** dalam memastikan **kebijakan** warga UiTMCJ terjaga akan dapat membantu warga mencapai kejayaan dan **kegemilangan**. Konsep **4K** ini merupakan antara **intipati ucapan sulung Rektor** sempena Majlis Sambutan Rektor Baru UiTMCJ di penghujung tahun 2022. Malahan di dalam ruangan **Mandat Rektor** di laman sesawang UiTMCJ, fokus kepada BT diterjemahkan oleh Rektor dengan meletakkan harapan agar kampus UiTMCJ dapat **membantu pelajarnya** membentuk dan mencapai potensi sebenar mereka dalam pembangunan daya fikir, fizikal dan kemanusiaan. (**Bukti 1.2.3**)

Kaedah 4: Menyediakan sokongan dan;

Kaedah 5: Komunikasi dua hala & membentuk rangkaian kerjasama antara warga kampus

Pemeriksaan (Empowerment) pelajar adalah keutamaan Pengurusan Kanan UiTMCJ dengan menyediakan pelbagai landasan, ruang dan peluang kepada pelajar mengasah bakat dan kemahiran untuk mencapai potensi maksimum mereka. **Pemeriksaan** ini diteguhkan lagi

dengan **kepercayaan (Trust)** sebagai asas kepada hubungan kukuh antara pelajar dan pihak universiti. Pengurusan Kanan UiTMCJ mengamalkan sikap terbuka di mana pandangan dan suara pelajar sentiasa dipertimbangkan bagi memastikan keputusan yang diambil berlandaskan **kepercayaan** dan aspirasi pelajar (**Bukti 1.2.4**).

Pengayaan (Enrichment) ilmu dan pengalaman adalah aspek penting dalam pendidikan dan disokong kuat oleh peranan **Empati (Empathy)** sebagai kunci kepada pembangunan sahsiah pelajar. Dalam usaha menyuburkan sifat **empati** dalam diri, pelajar diberikan peluang menyertai pelbagai aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan sehingga ke peringkat **antarabangsa**. (**Bukti 1.2.5**)

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_K01_KB02_20241_UiTMCJ_1.2.1_PendekatanKepimpinanInklusif.pdf](#)
2. [K0059_K01_KB02_20242_UiTMCJ_1.2.2_KerangkaBidangTumpuanUiTMCJ2023.pdf](#)
3. [K0059_K01_KB02_20243_UiTMCJ_1.2.3_KerangkaKepimpinanUiTMCJ.pdf](#)
4. [K0059_K01_KB02_20244_UiTMCJ_1.2.4_SokonganDanKomunikasiDuaHala.pdf](#)
5. [K0059_K01_KB02_20245_UiTMCJ_1.2.5_EnrichmentEmpathy.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMCJ **melaksanakan** objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang dengan memanfaatkan **mekanisme perluasan** berikut:

Pewujudan ekosistem kolaborasi perkongsian pintar dengan pemeteraian Perjanjian Persefahaman (MoU/MoA).

Selain memanfaatkan *MoU/MoA* sedia ada, UiTMCJ telah memeterai lebih banyak bentuk **kerjasama dua hala** dan **kolaborasi perkongsian pintar berimpak tinggi** dengan **kerajaan tempatan, kerajaan negeri, universiti serantau dan antarabangsa, badan bukan kerajaan (NGO), industri serta alumni**. Pemeteraian kerjasama dan kolaborasi ini telah memberikan ruang dan peluang kepada pelajar UiTMCJ dalam pengayaan ilmu dan pengalaman (**Enrichment**) melangkaui pembelajaran konvensional (**BeyondEd**), menyerlahkan bakat kepimpinan (**FutureTalents**) serta memperkasakan (**Empowerment**) mereka dengan aktiviti keusahawanan dan kesukarelawan (**Sociopreneur**) luar daripada persekitaran kampus semata-mata dengan nilai Empati (**Empathy**) (**Bukti 1.3.1**)

Pelaksanaan agenda Rector's Special Projects (RSP)

RSP merupakan projek khas yang diilhamkan sendiri oleh Rektor UiTMCJ dan di bawah pemantauan terus secara berkala oleh beliau. Projek-projek di bawah RSP telah menjadi **pemangkin** pencapaian objektif dan inisiatif strategik BT serta keberhasilan **pencapaian Petunjuk Prestasi (PI)** selaras dengan Pelan Tindakan Strategik 2023 UiTMCJ (**SAP**) serta **merealisasikan** agenda kampus berdayahuni. (**Bukti 1.3.2**)

Komunikasi dua hala menggunakan pendekatan Top-Down dan Bottom-Up.

Seiring dengan perkembangan teknologi digital yang pesat dan kebolehcapaian maklumat di hujung jari, **group whatsapp HOD** menjadi medium utama penyampaian maklumat dan pembuatan keputusan yang lebih pantas dan cekap antara **ketua-ketua bahagian UiTMCJ** di kedua-dua kampus **Segamat dan Pasir Gudang**. Penyaluran maklumat oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ kepada ketua-ketua bahagian dan tempoh masa memberikan maklumbalas dapat dijamin terutamanya dalam situasi keperluan **pembuatan keputusan yang kritikal**. Selain itu, pendekatan **Top-Down** dilaksanakan dengan mengagihkan Petunjuk Prestasi (**PI**) Bahagian Transformasi Universiti (BTU) kepada bahagian, unit dan fakulti di UiTMCJ melalui perbincangan antara ketua-ketua bahagian di dalam **Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ 2023** berdasarkan kompetensi dan ketersediaan warga UiTMCJ. Hasil diskusi dan persetujuan bersama ini diterjemahkan ke dalam **Pelan Tindakan Strategik 2023 UiTMCJ (SAP)** yang menjadi rujukan dan panduan **pelaksanaan inisiatif strategik** sepanjang tahun 2023. (**Bukti 1.3.3**)

Bagi **melaksanakan** inisiatif dan aktiviti BT, bahagian, unit dan fakulti akan membuat permohonan kelulusan cadangan pelaksanaan program dan aktiviti melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** memandangkan JKEN merupakan badan pelulus tertinggi di peringkat UiTM cawangan. **Kelulusan pelaksanaan program** dan aktiviti adalah penting bagi memastikan JKEN mengambil maklum dan memberikan **sokongan** yang sepenuhnya kepada warga UiTMCJ terutamanya permohonan yang melibatkan kelulusan peruntukan kewangan dan penggunaan kemudahan fasiliti UiTM. (**Bukti 1.3.4**)

Penyaluran maklumat & penyampaian strategi pelaksanaan yang sistematik, komprehensif dan menyeluruh kepada warga UiTMCJ

Pengurusan Kanan UiTMCJ mengutamakan penyampaian dan penyebaran maklumat secara berkesan dan telus serta menyampaikan strategi pelaksanaan yang sistematik, komprehensif dan menyeluruh kepada warga UiTMCJ sebagai komponen penting dalam mencapai matlamat dan inisiatif strategik yang telah dirancang. **Perluasan** dan **perkongsian maklumat hala tuju**

UiTMCJ adalah secara terus antaranya melalui emel, laman sesawang, media sosial, Amanat Rektor, Saunah Sharing Session (3S), Sesi Libat Urus, Mesyuarat Akademik dan sesi **Campus Townhall** bersama pelajar. (**Bukti 1.3.5**)

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_K01_KB03_20241_UiTMCJ_1.3.1_Kolaborasi perkongsian pintar.pdf](#)
2. [K0059_K01_KB03_20242_UiTMCJ_1.3.2_Agenda RSP vs Objektif Strategik BT.pdf](#)
3. [K0059_K01_KB03_20243_UiTMCJ_1.3.3_Komunikasi Top Down.pdf](#)
4. [K0059_K01_KB03_20244_UiTMCJ_1.3.4_Kelulusan JKEN.pdf](#)
5. [K0059_K01_KB03_20245_UiTMCJ_1.3.5_Komunikasi.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan UiTMCJ telah **melaksanakan pelan tindakan pemantauan berterusan secara berkala** bagi **mengenalpasti pencapaian** program-program BT melalui mekanisme pemantauan seperti berikut:

- Pengenalpastian pencapaian petunjuk prestasi BT dalam Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ (**Bukti 1.4.1.1a**).
- Pemantauan berkala keseluruhan pencapaian **PI UiTMCJ oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) UiTMCJ** dan **dibentangkan** kepada Pengurusan Kanan UiTMCJ di dalam **Mesyuarat JKEN (Bukti 1.4.1.1b)**
- Pembentangan pencapaian PI UiTMCJ secara keseluruhan, pencapaian PI mengikut bahagian, perubahan sasaran petunjuk prestasi dan lain-lain yang berkaitan oleh PSTU di dalam **Mesyuarat Ketua Bahagian (MKB) (Bukti 1.4.1.1c)**.
- Pencapaian terperinci PI BT dan **pelaporan aktiviti yang telah dijalankan dan masalah yang dihadapi** dalam menjalankan projek yang dirancang pula dibentangkan di dalam Mesyuarat Ketua Bahagian (MKB) oleh pengurus PI. (**Bukti 1.4.1.1d**).
- Pemantauan pencapaian & keberkesanan program berdasarkan pelaporan aktiviti yang melibatkan BT melalui mesyuarat dalaman bahagian dan unit.
- **Pemantauan berkala agenda RSP (Bukti 1.4.1.2).**
- **Peringatan secara berkala melalui emel dan aplikasi WhatsApp** kepada pengurus PI bagi mengemaskini status pencapaian PI masing-masing ke sistem peneraju (**Bukti 1.4.1.3**)

Pengurusan Kanan UiTMCJ telah melaksanakan pemantauan bagi mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif bagi BT seperti berikut (**Bukti 1.4.1.4**):

- Pengenalpastian punca kegagalan BT melalui perbincangan berdasarkan pengumpulan dan analisa data dalam Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ yang melibatkan Pengurusan Kanan UiTMCJ dan ketua-ketua bahagian.
- Penyenaraian berkaitan isu yang dihadapi serta cadangan penambahbaikan bagi setiap petunjuk prestasi (PI) dalam Mesyuarat JKEN dan Mesyuarat MKB.
- Pembentangan mengenai isu dan risiko BT dalam Mesyuarat JKEN dan MKB berdasarkan input yang dinyatakan dalam Daftar Risiko Perancangan Strategik.
- Tahap pencapaian setiap PI dilaporkan berdasarkan pencapaian bulanan yang dikemaskini oleh pengurus PI
- Pemantauan agenda **RSP melalui Mesyuarat Kemajuan RSP**. Ketua projek membentangkan peratusan siap projek, hasil projek dan perancangan kemajuan projek (**Bukti 1.4.1.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_K01_KB04_KC01_20241_UiTMCJ_1.4.1.1_Pelan Tindakan Pemantauan.pdf](#)
2. [K0059_K01_KB04_KC01_20242_UiTMCJ_1.4.1.2_Pelan Tindakan Pemantauan RSP.pdf](#)
3. [K0059_K01_KB04_KC01_20243_UiTMCJ_1.4.1.3_Peringatan Berkala.pdf](#)
4. [K0059_K01_KB04_KC01_20244_UiTMCJ_1.4.1.4_Pemantauan.pdf](#)
5. [K0059_K01_KB04_KC01_20245_UiTMCJ_1.4.1.5_Pemantauan RSP.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko-risiko BT telah dikenalpasti semasa Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ. Selain itu, penyenaaran risiko berkaitan BT juga turut didokumenkan dalam Daftar Risiko UiTMCJ 2023.

Dalam usaha merealisasikan objektif strategik “**Melahirkan Mahasiswa Budiman yang Gah di Mata Dunia**” dan melaksanakan inisiatif strategik *BeyondEd*, *FutureTalents* dan *Sociopreneur*, ketiga-tiga inisiatif ini dilihat memiliki kategori risiko utama yang sepunya iaitu **risiko reputasi, imej dan ketampakan pelajar UiTMCJ (Bukti 1.4.2.1)**. Antara faktor yang menyumbang kepada risiko utama ini adalah:

- 1) Penyertaan oleh pelajar yang menunjukkan kualiti diri yang rendah dan tidak berdisiplin di dalam program yang dianjurkan oleh pihak luar.
- 2) Program tidak mendapat sambutan pelajar dengan bilangan penyertaan yang rendah
- 3) Sokongan dalam ekosistem pembelajaran yang terhad
- 4) Pelajar tidak memiliki asas keusahawanan menjadikan mereka tidak berani merebut peluang melaksanakan perniagaan dalam kampus walaupun pelbagai inisiatif telah diberikan

Pengurusan Kanan UiTMCJ bertindak ke atas risiko inisiatif bagi BT dengan menggunakan mekanisma berikut:

- 1) Melaksanakan siri program peningkatan kemahiran, keperibadian pelajar dan kesedaran diri bagi **menyegarkan** semula kualiti diri, disiplin, adab dan akhlak pelajar dalam usaha mensiap siagakan mereka menjadi duta yang membawa nama baik UiTMCJ walau ke mana sahaja mereka pergi dan di mana sahaja mereka berada (**Bukti 1.4.2.2**)
- 2) **Mengasimilasi** pelaksanaan program dengan **keperluan kursus akademik dan kursus kokurikulum** yang menjadikan penyertaan pelajar sebagai syarat lulus kursus pada semester tersebut. (**Bukti 1.4.2.3**)
- 3) Penganjuran program pelajar secara **kerjasama dengan rakan strategik** yang boleh menyalurkan dana kewangan bagi menampung kos pelaksanaan program dalam keadaan pengurusan kewangan universiti yang kejut dan perbelanjaan berhemah (**Bukti 1.4.2.4**).
- 4) Menyediakan sistem sokongan kondusif kepada pelajar samada sokongan fizikal ataupun sokongan emosi (**Bukti 1.4.2.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_K01_KB04_KC02_20241_UiTMCJ_1.4.2.1_Risiko BT.pdf](#)
2. [K0059_K01_KB04_KC02_20242_UiTMCJ_1.4.2.2 Program Peningkatan Diri Pelajar.pdf](#)
3. [K0059_K01_KB04_KC02_20243_UiTMCJ_1.4.2.3 Asimilasi.pdf](#)
4. [K0059_K01_KB04_KC02_20244_UiTMCJ_1.4.2.4 Kerjasama Rakan Strategik.pdf](#)
5. [K0059_K01_KB04_KC02_20245_UiTMCJ_1.4.2.5 Sokongan Fizikal Emosi.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCJ **meningkatkan prestasi** daripada hasil tindakan penambahbaikan bagi BT dengan pendekatan berikut:

- 1) Memperkasakan pemimpin-pemimpin pelajar dengan kemahiran kepimpinan yang dapat menjadi suri teladan kepada pelajar lain (**Bukti 1.4.3.1**)
- 2) Melaksanakan program mega yang dapat mencapai beberapa Petunjuk Prestasi (PI) yang berkaitan dalam satu program yang sama supaya jumlah program dapat dikurangkan dan meningkatkan bilangan penyertaan pelajar (**Bukti 1.4.3.2**)
- 3) Hubungan **dengan rakan strategik** diperluaskan bukan sekadar mereka menyalurkan dana kewangan bagi menampung kos pelaksanaan program dan aktiviti pelajar malahan turut menyumbang kepada perkongsian kepakaran, kemudahan dan fasiliti kampus untuk **kebajikan** dan kemudahan pelajar. **Hasil perluasan hubungan kerjasama dengan rakan strategik**, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia antaranya menjadikan UiTMCJ terpilih sebagai salah satu institusi yang terlibat dengan **Program Flagship Hub Kluster Bernilai Tinggi Daerah Segamat**. UiTMCJ menjadi **IPTA pertama di Malaysia** menerima pokok bromeliad untuk dijadikan tanaman hiasan "*ornamental*" dengan mewujudkan "Taman Mini Bromeliad". Program ini mendapat **tajaan penuh** daripada LPNM Johor dan menjadi satu simbolik penerokaan bidang baru kepada pelajar UiTMCJ (**Bukti 1.4.3.3**).
- 4) Menaiktaraf dan menambahbaik fasiliti sedia ada untuk kemudahan pelajar dengan kos yang minimum (**Bukti 1.4.3.4**).
- 5) Memanfaatkan teknologi digital dengan penganjuran pelbagai program dan aktiviti BT secara atas talian untuk meningkatkan penyertaan dan aksesibiliti (**Bukti 1.4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_K01_KB04_KC03_20241_UiTMCJ_1.4.3.1_KemahiranKepimpinan.pdf](#)
2. [K0059_K01_KB04_KC03_20242_UiTMCJ_1.4.3.2_ProgramMega.pdf](#)
3. [K0059_K01_KB04_KC03_20243_UiTMCJ_1.4.3.3_PerluasanHubungan.pdf](#)
4. [K0059_K01_KB04_KC03_20244_UiTMCJ_1.4.3.4_Naiktaraf.pdf](#)
5. [K0059_K01_KB04_KC03_20245_UiTMCJ_1.4.3.5_Memanfaatkanteknologi.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan UiTMCJ **membudayakan objektif dan inisiatif strategik** BT melalui penyaluran maklumat yang tepat dan terkini secara konsisten dan berkala. Pemakluman pelaksanaan strategi dan status pencapaian semasa berskala besar disampaikan kepada warga secara meluas dan inklusif melalui Amanat Tahun Baharu Rektor 2023, *Saunah Sharing Session*, Mesyuarat Akademik dan Sesi Libat Urus. Selain penyaluran maklumat secara sehalu, Pengurusan Kanan UiTMCJ turut mengintegrasikan komunikasi dua hala dalam skala yang lebih kecil melalui agenda **RSP: Sembang Santai Bersama Rektor** dan **Campus Townhall**. Penyaluran maklumat kepada ketua-ketua bahagian pula disampaikan melalui Mesyuarat JKEN, Mesyuarat MKB dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (**Bukti 1.5.1**).

Keadaan ekonomi pasca Covid19 dan pengurusan kejut kewangan universiti telah menghadkan pelaksanaan aktiviti kerjasama dua hala secara fizikal terutamanya dengan rakan strategik antarabangsa. Mendepani cabaran dan krisis ini, UiTMCJ telah meneruskan aktiviti kerjasama dua hala dan perkongsian pintar secara atas talian bagi memastikan pelajar masih mendapat manfaat pengayaan ilmu dan pengalaman (**Enrichment**) melangkaui pembelajaran konvensional mereka. Berpegang kepada konsep “*Do more with less*” yang sering diungkapkan oleh Rektor dan Pengurusan Kanan UiTMCJ, beberapa perjanjian persefahaman tetap berjaya dimeterai secara atas talian sepanjang tahun 2023 walaupun dengan pelbagai cabaran dan kekangan (**Bukti 1.5.2**).

Bagi menjamin kelestarian hubungan kerjasama sedia ada dan merebut peluang potensi kerjasama masa hadapan, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah membuat kunjungan hormat ke pejabat-pejabat kerajaan dan rakan industri. Pengurusan Kanan UiTMCJ juga bersifat terbuka menerima kunjungan hormat dari pihak luar bagi mewujudkan ekosistem kerjasama dua hala dan kolaborasi perkongsian pintar yang mampan dalam usaha merealisasikan objektif dan inisiatif strategik BT (**Bukti 1.5.3**).

Ketampakan kepimpinan Pengurusan Kanan UiTMCJ yang kreatif dan inovatif diterjemahkan dengan pelaksanaan agenda *Rector's Special Projects (RSP)* yang telah menjadi **pemangkin** pencapaian objektif dan inisiatif strategik BT serta keberhasilan **pencapaian Petunjuk Prestasi (PI)** selaras dengan Pelan Tindakan Strategik 2023 UiTMCJ (**SAP**) serta **merealisasikan** agenda kampus berdayahuni (**Bukti 1.5.4**).

Berteraskan nilai **kekeluargaan**, Pengurusan Kanan UiTMCJ menzahirkan penghargaan atas komitmen dan iltizam yang telah diberikan oleh warga UiTMCJ dengan memberikan **pengiktirafan dan sanjungan** melalui emel, laman web, media sosial dan majlis penghargaan dan apresiasi. Hasil dorongan, pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ secara tidak langsung menyemarakkan lagi semangat warga UiTMCJ samada staf dan pelajar dalam menjayakan BT dan mencapai **kegemilangan** hingga ke persada antarabangsa (**Bukti 1.5.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_K01_KB05_20241_UiTMCJ_1.5.1_Penyalaran_Maklumat_Kepada_Warga_UiTM.pdf](#)
2. [K0059_K01_KB05_20242_UiTMCJ_1.5.2_Kerjasama_Dua_Hala_Secara_Atas_Talian.pdf](#)
3. [K0059_K01_KB05_20243_UiTMCJ_1.5.3_Kunjungan_Hormat.pdf](#)
4. [K0059_K01_KB05_20244_UiTMCJ_1.5.4_Agenda_RSP_vs_Objektif_Strategik_BT.pdf](#)
5. [K0059_K01_KB05_20245_UiTMCJ_1.5.5_Pengiktirafan_dan_Sanjungan.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bermula dengan **Perancangan (Plan)**, UiTM CJ melalui kerangka BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar UiTM CJ 2023 telah menetapkan objektif strategik “Melahirkan Mahasiswa Budiman yang Gah Di Mata Dunia”. Kerangka BT ini telah diasimilasi dengan kerangka kepimpinan Pengurusan Kanan UiTM CJ menggunakan formula kecemerlangan **#Johor4Excellence=K⁴E⁴** bagi merealisasikan agenda menjadikan ekosistem UiTM CJ sebagai sebuah kampus berdayahuni “*liveable campus*”. Formula kecemerlangan **#Johor4Excellence=K⁴E⁴** adalah berteraskan gabungan konsep 4K iaitu Kebajikan, Keprihatinan, Kekeluargaan dan Kegemilangan yang diperkasakan dengan nilai 4E iaitu *Empowerment* (Pemeriksaan), *Entrusted* (Kepercayaan), *Enrichment* (Pengayaan) dan *Empathy* (Empati). Pelan Tindakan Strategik UiTM CJ 2023 telah dirangka pada penghujung tahun 2022. Pelan ini telah dipetakan dengan Agenda Utama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Pelan Strategik UiTM 2025. UiTM CJ juga telah menetapkan objektif dan inisiatif strategik BT berasaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025 *Globally Renowned University*, Pelan Pembangunan Mampan Johor (PPMJ) 2030 dan Sustainable Development Goals (SDG). Projek- projek di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTM CJ 2023 telah dirancang di Bengkel Pra Perancangan Strategik UiTM CJ 2023 dan Bengkel Pensejajaran Strategik UiTM CJ 2023.

Pelaksanaan (Do) inisiatif strategik UiTM CJ dilaksanakan melalui Pelan Tindakan Strategik UiTM CJ 2023 yang disejajarkan dengan Agenda Utama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), aspirasi nasional MADANI, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025 *Globally Renowned University*, gelombang “*Globally Marketable 2023*”, Pelan Pembangunan Mampan Johor (PPMJ) 2030 dan Sustainable Development Goals (SDG). Penetapan objektif strategik BT ini juga selaras dengan Amanat Menteri Pengajian Tinggi 2023 dan Amanat Naib Canselor UiTM 2023. Penyebaran objektif dan inisiatif strategik UiTM CJ telah disampaikan secara langsung kepada seluruh warga UiTM CJ melalui **Amanat Tahun Baru Rektor 2023, Saunah Sharing Session (3S), Sesi Libat Sama, Campus Townhall, Mesyuarat Akademik dan mesyuarat dalaman PTJ** bagi memastikan seluruh warga UiTM CJ cakna dan faham halatuju UiTM CJ terutamanya dalam mencapai sasaran keberhasilan pelajar. Inisiatif strategik UiTM CJ **direalisasikan melalui projek SAP dan petunjuk prestasi (PI)** sebagai indikator prestasi UiTM CJ dalam membantu mencapai objektif UiTM. Projek SAP akan dibincangkan di dalam **Bengkel Pra Perancangan Strategik 2023 dan Bengkel Pensejajaran Strategik 2023** bagi mencapai objektif UiTM CJ dan PI UiTM.

Dari aspek **Pemantauan (Check)**, sepanjang proses pelaksanaan inisiatif strategik, pemantauan secara berkala telah dibuat melibatkan tiga peringkat iaitu peringkat UiTM, Pengurusan Kanan UiTM CJ dan jabatan atau bahagian terlibat. Pemantauan berkala amat penting bagi memastikan objektif strategik mencapai sasaran mengikut perancangan. Pembentangan laporan pencapaian PI dan perkembangan projek SAP di mesyuarat-mesyuarat pengurusan UiTM CJ dan mesyuarat dalaman jabatan turut dibuat bagi memantau kemajuan inisiatif strategik UiTM CJ.

Dari aspek **Penambahbaikan (Action)**, hasil pemantauan ini juga digunakan dalam proses penambahbaikan inisiatif strategik. Beberapa medium digunakan untuk mendapatkan input bagi penambahbaikan inisiatif strategik UiTM CJ. Mengkaji semula inisiatif strategik yang lepas, input-input yang diperolehi melalui mesyuarat seperti mesyuarat pengurusan UiTM CJ dan mesyuarat dalaman jabatan dan analisa maklumbalas program adalah antara sumber maklumat bagi proses penambahbaikan inisiatif strategik UiTM CJ. Perkongsian maklumat berkaitan pencapaian semasa UiTM CJ hasil pelaksanaan inisiatif strategik kepada seluruh warga UiTM CJ melalui pelbagai medium secara tidak langsung membantu warga UiTM CJ cakna dengan halatuju UiTM CJ dan secara tidak langsung membentuk budaya bekerjasama dan kekeluargaan dalam kalangan warga UiTM CJ.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTM CJ melalui kerangka BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar UiTM CJ 2023 telah menetapkan **objektif strategik “Melahirkan Mahasiswa Budiman yang Gah Di Mata Dunia”** dengan memfokuskan 3 Keberhasilan Pelajar seperti berikut:

1. ***Beyond Education Toward Success (BeyondEd)***
2. ***Creating Future Talents (FutureTalents)***
3. ***Empowering Entrepreneurship and Reaching Society (Sociopreneur)***

Kerangka BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar ini **diasimilasi** dengan kerangka kepimpinan Pengurusan Kanan UiTM CJ menggunakan **formula kecemerlangan #Johor4Excellence=K4E4** bagi merealisasikan agenda menjadikan ekosistem UiTM CJ sebagai sebuah kampus berdayahuni **“liveable campus”**.

Formula kecemerlangan **#Johor4Excellence=K4E4** adalah berteraskan gabungan konsep **4K** iaitu **Kebajikan, Keprihatinan, Kekeluargaan dan Kegemilangan** yang diperkasakan dengan nilai **4E** iaitu **Empowerment** (Pemeriksaan), **Entrusted** (Kepercayaan), **Enrichment** (Pengayaan) dan **Empathy** (Empati) (**Bukti 2.2.1**).

Pemeriksaan (Empowerment) pelajar adalah keutamaan Pengurusan Kanan UiTM CJ dengan menyediakan pelbagai landasan, ruang dan peluang kepada pelajar mengasah bakat dan kemahiran untuk mencapai potensi maksimum mereka. **Pemeriksaan** ini diteguhkan lagi dengan **Kepercayaan (Entrusted)** sebagai asas kepada hubungan kukuh antara pelajar dan pihak universiti. Pengurusan Kanan UiTM CJ mengamalkan sikap terbuka di mana pandangan dan suara pelajar sentiasa dipertimbangkan bagi memastikan keputusan yang diambil berlandaskan **kepercayaan** dan aspirasi pelajar. **Pengayaan (Enrichment)** ilmu dan pengalaman adalah aspek penting dalam pendidikan dan disokong kuat oleh peranan **Empati (Empathy)** sebagai kunci kepada pembangunan sahsiah pelajar. Dalam usaha menyuburkan sifat **empati** dalam diri, pelajar diberikan peluang menyertai pelbagai aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan sehingga ke peringkat **antarabangsa**.

Pelan Tindakan Strategik UiTM CJ 2023 telah dirangka pada penghujung tahun 2022. Pelan ini telah dipetakan dengan **Agenda Utama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** dan **Pelan Strategik UiTM 2025**. UiTM CJ juga telah menetapkan objektif dan inisiatif strategik BT berasaskan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)**, **Pelan Strategik UiTM 2025 Globally Renowned University**, gelombang **“Globally Marketable 2023”**, **Pelan Pembangunan Mampan Johor (PPMJ) 2030** dan **Sustainable Development Goals (SDG)**. Penetapan objektif strategik BT ini juga selaras dengan Amanat Menteri Pengajian Tinggi 2023 dalam fokus ke 9: **Kualiti & Kecemerlangan Akademik** & fokus ke 11: **Pemeriksaan Mahasiswa** dan Amanat Naib Canselor UiTM 2023 : **Melonjakkan Kebolehpasaran Pelajar di Peringkat Dunia**. (**Bukti 2.2.2**).

Projek- projek di dalam **Pelan Tindakan Strategik UiTM CJ 2023** telah dirancang di **Bengkel Pra Perancangan Strategik UiTM CJ 2023** dan **Bengkel Pensejajaran Strategik UiTM CJ 2023** (**Bukti 2.2.3**). Antara projek yang terlibat dengan BT adalah **Students Building Block Catalysis** dan **Entrepreneurship Linkage**. Kesemua projek dan inisiatif ini telah didaftarkan di Sistem Pengurusan Strategik UiTM (UiSMS) bagi memudahkan pemantauan dibuat (**Bukti 2.2.4**).

Agenda **Rector’s Special Project (RSP)** merupakan projek jangka panjang 2022-2024 yang turut menjadi **pemangkin** kepada pencapaian BT. Bagi memastikan keselarasan di dalam projek-projek BT yang dilaksanakan, pemetaan Objektif Strategik, Strategi Pembangunan Pelajar UiTM CJ, Projek SAP, PI UiTM dan Projek RSP telah dibuat untuk memastikan pencapaian objektif strategik **“Melahirkan Mahasiswa Budiman yang Gah Di Mata Dunia”** (**Bukti 2.2.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_P01_PB02_20241_UiTMCJ_2.2.1_Kerangka Bidang Tumpuan UiTMCJ 2023.pdf](#)
2. [K0059_P01_PB02_20242_UiTMCJ_2.2.2_Pemetaan objektif dan inisiatif strategik.pdf](#)
3. [K0059_P01_PB02_20243_UiTMCJ_2.2.3_Pemetaan objektif dan inisiatif strategik.pdf](#)
4. [K0059_P01_PB02_20244_UiTMCJ_2.2.4_Penyediaan Dokumen Pelan Tindakan Strategik UiTMCJ.pdf](#)
5. [K0059_P01_PB02_20245_UiTMCJ_2.2.5_Pemetaan Objektif Strategik.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan inisiatif strategik UiTMCJ dilaksanakan melalui **Pelan Tindakan Strategik UiTMCJ 2023** yang disejajarkan dengan **Agenda Utama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)**, **aspirasi nasional MADANI**, **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)**, **Pelan Strategik UiTM 2025 *Globally Renowned University***, gelombang **“*Globally Marketable 2023*”**, **Pelan Pembangunan Mampan Johor (PPMJ) 2030** dan **Sustainable Development Goals (SDG)**. Penetapan objektif strategik BT ini juga selaras dengan Amanat Menteri Pengajian Tinggi 2023 dalam fokus ke 9: **Kualiti & Kecemerlangan Akademik** & fokus ke 11: **Pemeriksaan Mahasiswa** dan Amanat Naib Canselor UiTM 2023 : **Melonjakkan Kebolehpasaran Pelajar di Peringkat Dunia. (Bukti 2.3.1).**

Melalui objektif dan inisiatif strategik BT, ia membantu kerajaan negeri Johor untuk mencapai matlamat teras 2 (**Memperkasa Pelaburan Dan Ekonomi Digital**), 6 (**Kesejahteraan Sosial**), 7 (**Memperkasa Sistem Pendidikan Islam, Warisan Budaya Dan Modal Insan**) dan 8 (**Pesona Wanita Dan Aspirasi Idealis Anak Muda**). Ia juga membantu Malaysia mencapai **SDG 4 (*Quality Education*)** dan **SDG 8 (*Decent Work and Economy Growth*)**. Penetapan objektif dan inisiatif strategik BT UiTMCJ bukan sahaja seiring dengan aspirasi universiti dan negara, malahan ia menyokong dasar negeri Johor dan dunia.

Penyebaran objektif dan inisiatif strategik UiTMCJ telah disampaikan secara langsung kepada seluruh warga UiTMCJ melalui **Amanat Tahun Baru Rektor 2023, Saunah Sharing Session (3S), Sesi Libat Sama, Campus Townhall, Mesyuarat Akademik dan mesyuarat dalaman PTJ** bagi memastikan seluruh warga UiTMCJ cakna dan faham halatuju UiTMCJ terutamanya dalam mencapai sasaran keberhasilan pelajar. Pemakluman kepada seluruh warga UiTMCJ sangat penting kerana pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik merangkumi semua warga UiTMCJ daripada pihak pengurusan atasan hingga kepada staf dan pelajar (**Bukti 2.3.2**).

Inisiatif strategik UiTMCJ **direalisasikan melalui projek SAP dan petunjuk prestasi (PI)** sebagai indikator prestasi UiTMCJ dalam membantu mencapai objektif UiTM. Bagi pengurusan projek SAP dan PI, pegawai yang bertanggungjawab akan dilantik. Apabila PI diperolehi daripada Bahagian Transformasi Universiti (BTU), tanggungjawab PSTU untuk **mengagihkan PI kepada bahagian/jabatan**. Projek SAP akan dibincangkan di dalam **Bengkel Pra Perancangan Strategik 2023 dan Bengkel Pensejajaran Strategik 2023** bagi mencapai objektif UiTMCJ dan PI UiTM. Sepanjang bengkel ini dijalankan, kelemahan projek SAP yang lepas akan dikenalpasti, seterusnya merancang aktiviti-aktiviti di dalam projek SAP 2023 (**Bukti 2.3.3**) dan membentangkannya di Mesyuarat JKEN. Setiap projek SAP akan diketuai oleh Pengarah Program, Pengurus dan ahli bagi memastikan projek SAP berjalan lancar. Segala projek diurus dan dilaksanakan melalui bahagian, unit atau fakulti yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan BT (**Bukti 2.3.4**).

Rector's Special Projects (RSP) menjadi pemangkin pencapaian objektif dan inisiatif strategik. Bagi melaksanakan **RSP**, Rektor melantik pegawai yang bertanggungjawab bagi mengetuai setiap projek dan setiap projek ada beberapa ahli yang akan menggerakkan projek **RSP** ini (**Bukti 2.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_P01_PB03_20241_UiTMCJ_2.3.1_Pemetaan objektif dan inisiatif strategik.pdf](#)
2. [K0059_P01_PB03_20242_UiTMCJ_2.3.2_Komunikasi.pdf](#)
3. [K0059_P01_PB03_20243_UiTMCJ_2.3.3 Pemakluman PI 2023 UiTMCJ.pdf](#)
4. [K0059_P01_PB03_20244_UiTMCJ_2.3.4 Surat Lantikan Pengarah, Pengurus dan Ahli projek SAP UiTMCJ.pdf](#)
5. [K0059_P01_PB03_20245_UiTMCJ_2.3.5 Pemetaan Sasaran Keberhasilan Pelajar.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam memastikan objektif dan inisiatif strategik BT tercapai, pemantauan dari semasa ke semasa telah dibuat. Pemantauan dibuat terhadap projek SAP dan pencapaian PI. Pencapaian PI juga dijadikan indikator utama bagi menentukan objektif dan inisiatif strategik berjaya dicapai. **Pelan pemantauan UiTMCJ melibatkan tiga peringkat iaitu peringkat UiTM, Pengurusan Kanan UiTMCJ dan jabatan atau bahagian yang terlibat.**

Pemantauan di peringkat UiTM adalah di antara PSTU, peneraju dan BTU. Pemantauan untuk inisiatif strategik BT dibuat melalui **Sistem UiSMS dan SmartHEP (Bukti 2.4.1.1)**. Kedua-dua sistem ini akan memantau perkembangan inisiatif strategik secara berkala.

Pemantauan di peringkat Pengurusan Kanan UiTMCJ dibuat melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Mesyuarat Ketua Bahagian (MKB) (Bukti 2.4.1.2)**. Ahli MKB turut melibatkan **wakil MPP** selain Pengurusan Kanan UiTMCJ dan ketua-ketua jabatan. Melalui mesyuarat-mesyuarat ini, pihak pengurusan UiTMCJ dapat memantau serta menentukan tindakan alternatif atau penambahbaikan agar objektif dan inisiatif strategik dapat mencapai sasaran. Melalui mesyuarat ini juga, ketua-ketua jabatan akan mengambil maklum dan akan menyampaikan kepada staf di jabatan masing-masing.

Pemantauan juga diadakan **di peringkat jabatan semasa mesyuarat dalaman jabatan diadakan**. Pegawai yang bertanggungjawab akan membentangkan pencapaian semasa mesyuarat ini dan perbincangan berkaitan tindakan alternatif dan penambahbaikan diadakan bersama ahli mesyuarat **(Bukti 2.4.1.3)**.

PSTU UiTMCJ juga memantau perkembangan inisiatif strategik secara berkala. **Emel peringatan** diberikan kepada pegawai yang bertanggungjawab secara berkala untuk mengemaskini pencapaian PI dan perkembangan projek SAP. **Kumpulan WhatsApp yang terdiri daripada Pengurusan Kanan UiTMCJ dan pegawai yang bertanggungjawab** dijadikan bagi memantau dan menyemak pencapaian PI UiTMCJ yang terhasil daripada inisiatif strategik yang dirancang **(Bukti 2.4.1.4)**. Rektor turut memainkan peranan dengan memantau projek-projek *RSP*, terutamanya yang menyokong objektif dan inisiatif yang dirangka melalui **Mesyuarat Kemajuan Projek RSP. (Bukti 2.4.1.3)**.

Setiap aktiviti yang dilaksanakan dalam inisiatif strategik perlu **menyediakan laporan** selepas tamat aktiviti. Ini adalah salah satu pendekatan pemantauan bagi memastikan aktiviti yang dirancang dibuat sehingga selesai. Di dalam laporan ini, analisa maklum balas peserta dibuat bagi mengenalpasti tahap penerimaan peserta terhadap aktiviti dan juga cadangan penambahbaikan dari peserta **(Bukti 2.4.1.5)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_P01_PB04_PC01_20241_UiTMCJ_2.4.1.1 Mekanisme Pemantauan.pdf](#)
2. [K0059_P01_PB04_PC01_20242_UiTMCJ_2.4.1.2 Contoh minit Mesyuarat.pdf](#)
3. [K0059_P01_PB04_PC01_20243_UiTMCJ_2.4.1.3 Contoh Pembentangan di Peringkat Mesyuarat.pdf](#)
4. [K0059_P01_PB04_PC01_20244_UiTMCJ_2.4.1.4 Sampel Pemantauan.pdf](#)
5. [K0059_P01_PB04_PC01_20245_UiTMCJ_2.4.1.5 Contoh Pelaporan.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam memastikan kelancaran sesuatu pelaksanaan, **mengenalpasti risiko** yang mungkin berlaku adalah penting. Oleh itu pihak USTU UiTMCJ adalah komited bagi memastikan projek-projek BT berjalan lancar dengan sentiasa memantau dan mengenalpasti setiap risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik bagi setiap projek yang dilaksanakan.

Bengkel Pra Perancangan Strategik UiTMCJ 2023 adalah satu platform perbincangan secara langsung perancangan inisiatif-inisiatif strategik menerusi projek-projek SAP UiTMCJ bagi tahun 2023. Perancangan yang telah dibuat di dalam bengkel tersebut adalah bagi memastikan kelancaran sebarang pelan tindakan. Melalui bengkel ini **risiko-risiko yang berkemungkinan akan berlaku semasa pelaksanaan projek turut dikenalpasti (Bukti 2.4.2.1)**. Segala perangkaan dibincangkan serta **pengurusan risiko (SAP Risk Management) juga akan direkodkan**. USTU telah menyediakan **satu templat dalam fail spreadsheet** bagi memudahkan setiap jabatan mengisi maklumat risiko semasa bengkel tersebut **(Bukti 2.4.2.2)**. Maklumat-maklumat risiko dan pelan mitigasi turut **di daftarkan di sistem UiSMS (Bukti 2.4.2.3)**.

Selain daripada itu, maklumat-maklumat risiko ini juga **didaftarkan di bawah pengurusan risiko UiTMCJ (Bukti 2.4.2.4, Bukti 2.4.2.5)**. Pendaftaran di dua platform berbeza kerana perspektif risiko dan formula yang digunakan oleh BTU (sistem UiSMS) dan pengurusan risiko UiTMCJ sedikit berbeza dan masih perlu diambil kira perspektif-perspektif risiko tersebut semasa pelaksanaan projek SAP.

Secara am, dua faktor risiko dalam pelaksanaan projek- projek SAP ini adalah **faktor manusia dan kewangan**. Sebagai contoh, bagi projek **SAP Students Building Block Catalysis**, risiko yang telah dikenalpasti adalah berkemungkinan **pelajar yang menyertai tidak berdisiplin dengan kualiti diri yang rendah**. Ini akan memberi risiko imej buruk UiTMCJ terhadap pihak luar. Sebagai langkah pencegahan, jawatankuasa pelaksana perlu memilih pelajar yang berdisiplin dan beradab untuk menyertai program yang melibatkan pihak luar **(Bukti 2.4.2.4)**.

Seterusnya, bagi projek **SAP Entrepreneurship Linkage** berisiko terhadap pengurusan rekod BPJIA akibat **kekurangan sumber kewangan** yang menyebabkan aktiviti SAP terbatas. Ini akan menjadi punca kepada ketidakcapaian PI. Sebagai langkah pencegahan, pihak MASMED dianjurkan untuk mengutamakan aktiviti yang berkos rendah **(Bukti 2.4.2.5)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_P01_PB04_PC02_20241_UiTMCJ 2.4.2.1 Bengkel Pra-Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [K0059_P01_PB04_PC02_20242_UiTMCJ 2.4.2.2 SAP Risk Management.pdf](#)
3. [K0059_P01_PB04_PC02_20243_UiTMCJ 2.4.2.3 Pendaftaran Risiko UiSMS.pdf](#)
4. [K0059_P01_PB04_PC02_20244_UiTMCJ 2.4.2.4 Pendaftaran Risiko Projek SAP Students Building Block Catalysis.pdf](#)
5. [K0059_P01_PB04_PC02_20245_UiTMCJ 2.4.2.5 Pendaftaran Risiko Projek SAP-Entrepreneurship Linkage.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCJ sentiasa berusaha **menambahbaik pencapaian dan prestasi sedia ada** BT. Pemantauan berkala dilakukan oleh USTU UiTMCJ kepada setiap PI dan inisiatif strategik yang telah dirangka bagi memastikan ianya sentiasa menepati perancangan yang telah diatur. Melalui **Bengkel Pra Perancangan Strategik** yang telah diadakan, **kaji semula dan perbincangan penambahbaikan** telah dibuat dan dibentangkan di **Bengkel Pensejajaran Perancangan Strategik 2023 (Bukti 2.4.3.1)**.

Hasil daripada pemantauan telah membantu proses penambahbaikan inisiatif strategi yang membantu meningkatkan pencapaian PI. Melalui **mesyuarat JKEN dan MKB UiTMCJ**, pihak pengurusan telah memantau serta menentukan tindakan yang perlu diambil bagi menambahbaik inisiatif strategik yang dirangka agar status pencapaian PI sentiasa meningkat dan seterusnya mewujudkan alternatif lain jika sesuatu inisiatif yang dirancangkan itu tidak menepati sasaran. **Punca ketidakcapaian PI akan dikaji** agar langkah pembetulan dan penambahbaikan inisiatif strategi dapat diambil segera (**Bukti 2.4.3.2**).

Selain mesyuarat di peringkat pengurusan tertinggi, **mesyuarat di peringkat dalaman jabatan** turut membentangkan pencapaian PI dan hasil daripada pelaksanaan inisiatif strategik. Melalui hasil pemantauan, ahli mesyuarat turut membuat kaji semula dan tindakan penambahbaikan bagi memastikan objektif universiti dan inisiatif strategik tercapai (**Bukti 2.4.3.3**).

Pendokumentasian pelaksanaan aktiviti dan program pelajar **disediakan dalam bentuk laporan**. Ia adalah bertujuan untuk memberi penekanan kepada dapatan penting, isu utama, pandangan, pencapaian atau hasil yang diperolehi terhadap setiap projek yang dijalankan. Ini dapat membantu tindakan yang perlu ditambahbaik terhadap program atau projek yang dilaksanakan (**Bukti 2.4.3.4**).

Selain itu, hasil analisa penambahbaikan melalui **Rector's Special Projects (RSP) 2022-2024** turut membantu dalam tindakan penambahbaikan. Setiap **ketua projek perlu membentangkan kemajuan projek** mereka setiap enam bulan sekali. **Perancangan kemajuan projek** turut dibincangkan bagi mengatasi masalah atau kekangan yang dihadapi. Penambahbaikan prestasi bagi projek-projek yang dipilih mampu untuk meningkatkan lagi prestasi UiTMCJ di masa hadapan (**Bukti 2.4.3.5**).

Hasil kaji semula dan tindakan penambahbaikan turut **dikongsikan** secara langsung oleh Rektor selaku ketua jabatan melalui **sesi Saunah's Sharing Session (3S)**. Program yang melibatkan seluruh warga UiTMCJ ini secara tidak langsung dapat memastikan semua warga cakna tentang perkembangan dan pencapaian semasa PI universiti (**Bukti 2.4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_P01_PB04_PC03_20241_UiTMCJ 2.4.3.1 Laporan Bengkel-Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ.pdf](#)
2. [K0059_P01_PB04_PC03_20242_UiTMCJ 2.4.3.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri dan Mesyuarat Ketua Bahagian.pdf](#)
3. [K0059_P01_PB04_PC03_20243_UiTMCJ 2.4.3.3 Contoh Pembentangan.pdf](#)
4. [K0059_P01_PB04_PC03_20244_UiTMCJ 2.4.3.4 Laporan Aktiviti.pdf](#)
5. [K0059_P01_PB04_PC03_20245_UiTMCJ 2.4.3.5 Tangkap Layar Laporan.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Secara keseluruhan, warga UiTMCJ faham dan cakna dengan halatuju dan strategi UiTMCJ dan UiTM. Pembudayaan ini bermula dari ketua organisasi seperti Naib Canselor dan Rektor, di mana mereka telah menyampaikan maklumat yang jelas secara langsung kepada warga UiTMCJ berkenaan hal ini melalui **program Amanat Naib Canselor dan Amanat Rektor (Bukti 2.5.1)**. **Rektor** sebagai ketua UiTMCJ, meningkatkan pembudayaan positif dalam BT dengan sentiasa memberi motivasi kepada warga UiTMCJ melalui perkongsian maklumat pencapaian PI, hasil inisiatif strategik dan kejayaan UiTMCJ dalam BT di dalam program **Saunah Sharing Session (3S)**. Pendekatan ini secara tidak langsung meningkatkan usaha perkongsian maklumat dan motivasi warga UiTMCJ untuk memastikan kecemerlangan UiTM dan UiTMCJ terutamanya dalam pengurusan pembangunan pelajar.

USTU UiTMCJ turut memainkan peranan dalam pembudayaan pelaksanaan inisiatif strategi dalam kalangan warga UiTMCJ di mana USTU akan **menghebahkan pencapaian PI yang diperolehi** oleh UiTMCJ melalui pelaksanaan inisiatif strategik. USTU turut mengeluarkan **poster tahniah** kepada kumpulan yang bertanggungjawab terhadap PI yang berjaya mencapai 100%. Poster tahniah ini dihebahkan kepada seluruh warga UiTMCJ melalui emel. UiTMCJ juga mengadakan **anugerah pencapaian PI yang dikenali sebagai Performance Indicators Champion Award** bagi memberi penghargaan kumpulan dan pegawai yang bertanggungjawab menguruskan PI UiTMCJ (**Bukti 2.5.2**). Usaha yang dilakukan ini adalah sebagai satu bentuk motivasi bagi memastikan kecemerlangan UiTMCJ.

Pendekatan **Top Down** dan **Bottom Up** diterapkan di UiTMCJ dalam penyebaran maklumat berkaitan pengurusan dan pembangunan pelajar. **Mesyuarat seperti mesyuarat JKEN dan MKB** turut menjadi platform rasmi bagi penyampaian maklumat terus dari Pengurusan Kanan UiTMCJ kepada ketua-ketua bahagian. **Ketua-ketua bahagian** turut memainkan peranan dengan menyebarkan maklumat inisiatif strategik kepada staf dan pelajar melalui **mesyuarat dalaman, emel dan juga platform media sosial Telegram dan WhatsApp (Bukti 2.5.3)**

Apabila seluruh warga UiTMCJ cakna dengan halatuju UiTMCJ dan UiTM, mereka sama-sama menggembleng tenaga bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif strategik bagi mencapai keberhasilan pelajar yang disasarkan. Para pensyarah membimbing pelajar dengan memainkan pelbagai peranan seperti penasihat pelajar, penganjur dan menyediakan kertas kerja bagi memperolehi kelulusan dari pihak atasan untuk melaksanakan aktiviti yang dirancang. Pihak pengurusan turut menyokong dengan menyediakan kemudahan kewangan dan fasiliti kepada para pelajar. Hasil kerjasama semua pemegang taruh UiTMCJ telah memberi kesan yang sangat positif di mana keberhasilan bakat dan kredibiliti pelajar UiTMCJ menonjol melalui kemenangan dan pengiktirafan, bukan sahaja di peringkat UiTM sahaja malahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (**Bukti 2.5.4**).

Staf pentadbiran turut memainkan peranan dalam pelaksanaan inisiatif strategik BT UiTMCJ. Mereka berperanan membantu pensyarah dan pelajar melalui prosedur pengurusan aktiviti pelajar yang bersistematik. Mereka juga sentiasa berfikir ke hadapan bagi meningkatkan prestasi dalam budaya kerja. **Penghasilan Sistem Permohonan Aktiviti Pelajar (SPAP)** adalah salah satu contoh inovasi yang dilaksanakan bagi memudahkan pemegang taruh melaksanakan inisiatif strategik dan secara tidak langsung meningkatkan prestasi dalam budaya kerja (**Bukti 2.5.5**). Kesan cakna dengan hala tuju UiTMCJ dan UiTM ini melahirkan budaya bekerjasama dan bertanggungjawab dalam kalangan warga UiTMCJ bagi merealisasikan inisiatif strategik dan mencapai sasaran keberhasilan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_P01_PB05_20241_UiTMCJ 2.5.1 Sebar Luas Petunjuk Prestasi.pdf](#)
2. [K0059_P01_PB05_20242_UiTMCJ 2.5.2 Pemakluman Pencapaian PI.pdf](#)
3. [K0059_P01_PB05_20243_UiTMCJ 2.5.3 Platform Pengkongsian Maklumat.pdf](#)

4. [K0059_P01_PB05_20244_UiTM CJ 2.5.4 Contoh Kertas Kerja Program dan Kejayaan Pelajar.pdf](#)
5. [K0059_P01_PB05_20245_UiTM CJ 2.5.5 Sistem SPAP.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCJ mengutamakan kepuasan pelanggan yang terdiri daripada pelanggan dalaman iaitu pelajar dan pelanggan luaran iaitu rakan industri serta komuniti. Segala keperluan pelanggan diperincikan oleh semua pihak di UiTMCJ terutamanya dalam pengurusan dan pembangunan pelajar. Secara khususnya penumpuan pelanggan diberikan kepada tiga keberhasilan pelajar iaitu pembelajaran “**Beyond Education Toward Success (BeyondEd)**”, kedua, kepimpinan dan sukan “**Creating Future Talents (FutureTalents)**” serta yang ketiga, kesukarelawanan dan keusahawanan “**Empowering Entrepreneurship and Reaching Society (Sociopreneur)**”. UiTMCJ sentiasa peka dengan jalinan dan kebergantungan di antara kumpulan sasar melalui analisis, aduan dan maklumbalas yang diterima daripada pelanggan.

Permulaan **perancangan (Plan)** untuk tumpuan pelanggan, projek-projek dirangka dengan memfokuskan kepada kemenjadian pelajar sebagai pelanggan utama UiTMCJ. Kesemua perancangan adalah berdasarkan formula kecemerlangan **#Johor4Excellence=K4E4**, dengan penekanan 4E iaitu **Empowerment, Entrusted, Enrichment dan Empathy**. UiTMCJ turut menekankan perancangan yang selari dengan hala tuju negara seperti **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi)** dan penekanan kepada objektif dan slogan **Maju Johor**.

Kaedah dan cara **pelaksanaan (Do)** bermula daripada proses pengumpulan maklumat, aduan, analisa dan tindakan susulan berdasarkan kepada maklumbalas yang diperoleh. Kekangan-kekangan pelajar seperti isu kewangan diatasi dengan konsisten antaranya melalui usaha bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTMCJ menyediakan **Food Cart UiTMCJ dan dapur HEP** bagi pelajar-pelajar yang terputus bekalan makanan dan membantu pelajar B40 untuk meneruskan pengajian dengan lebih baik. UiTMCJ bukan sahaja menghulurkan bantuan malah menyediakan platform supaya pelajar-pelajar ini mampu mendapatkan biaya sendiri melalui inkubator keusahawanan antaranya program **CosMos 1.0**. Pelajar juga boleh berniaga di premis ‘**The Port**’ yang telah disediakan bagi mendedahkan mereka dengan dunia keusahawanan sebenar. Inkubator-inkubator keusahawanan ini secara tidak langsung menjadi teras kepada kepuasan pelanggan luaran iaitu industri dan komuniti.

Hasil daripada **analisa (Check)** dilakukan daripada aduan-aduan pelanggan antaranya aduan rektor, ICT, fasiliti, termasuklah borang soal selidik bagi program yang dijalankan serta maklumbalas pelanggan berhubung perkhidmatan di bahagian dan unit UiTMCJ. Pihak pentadbiran UiTMCJ menjalankan **Hari Bertemu Pelanggan** secara berkala bertujuan membina hubungan langsung dengan pelanggan. Beberapa mekanisme bagi menangani aduan berbangkit diwujudkan terutamanya arahan tindakan dan pelaksanaan melalui **mesyuarat-mesyuarat bahagian dan unit** termasuklah Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Selain itu, program berkala yang dinamakan Townhall menjadi medium komunikasi secara langsung antara pelajar dan pihak JKEN. Segala aduan yang diterima melalui program tersebut akan diambil perhatian. Pemantauan ini diperlukan bagi memastikan setiap aduan berbangkit dapat ditangani secara holistik dan aduan ini dapat diselesaikan secara kaedah ‘situasi menang-menang’ seterusnya mencapai sasaran kemenjadian pelajar.

UiTMCJ sentiasa memberi penekanan terhadap penglibatan kumpulan sasar dalam sesuatu projek terutama dari aspek **penambahbaikan (Act)**. Maklumbalas daripada peserta dan pelanggan bertujuan untuk mengetahui tahap kepuasan hati terhadap projek-projek yang dijalankan. Maklumbalas tersebut amat penting kepada UiTMCJ dalam memastikan pelaksanaan dan perancangan dijalankan di bawah BT berjaya mencapai objektif serta dapat memberi kebaikan dan manfaat kepada semua pelanggan. Antara tindakan yang diambil dalam menangani aduan pelajar berhubung ketiadaan platform untuk permohonan program adalah dengan mewujudkan ‘**Sistem Permohonan Aplikasi Pelajar**’ (SPAP) secara dalam talian. Platform ini berjaya memudahkan urusan dan memberikan keseragaman dalam proses permohonan program pelajar.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan ataupun kumpulan sasar UiTMCJ bagi bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar terbahagi kepada dua kategori, iaitu **kumpulan sasar dalaman (pelajar) dan kumpulan sasar luaran (industri dan komuniti)**. Sejalan dengan Amanat Menteri Pendidikan Tinggi 2023, Amanat Naib Cancellor UiTM 2023, Amanat Rektor UiTMCJ 2023 dan Dasar Maju Johor 2030 (**Bukti 3.2.1**).

UiTMCJ sentiasa bersedia untuk memastikan **graduan** (kumpulan sasar dalaman) yang dihasilkan mampu mengimbangi nilai dalaman untuk kecemerlangan, sinergi, integriti, dan berciri keusahawanan. UiTMCJ juga sentiasa berusaha untuk mengukuhkan pakatan strategik bersama alumni dan industri agar para graduan yang dihasilkan mampu memberi kembali kepada industri dan komuniti (kumpulan sasar luaran) dengan **cara perkongsian pintar**. Selain daripada Pelan Strategik UiTM 2025, perancangan teliti dan strategik UiTM yang melibatkan kumpulan sasar dalaman dan luaran adalah selari dengan lonjakan pertama dan kedua dalam **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi)** iaitu **Graduan holistik yang berciri keusahawanan dan seimbang serta menekankan Kecemerlangan Bakat (Bukti 3.2.2)**. Ketampakan pelajar ini diinspirasi melalui 6 elemen dengan menerapkan pengimbangan antara akhlak dan ilmu pelajar.

Sebagai pendekatan oleh UiTMCJ kepada kumpulan sasar bagi bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar, terdapat **tiga sasaran keberhasilan pelajar** yang dijadikan sebagai tumpuan iaitu **BeyondEd, FutureTalents dan Sociepreneur**. Bagi inisiatif strategik pembelajaran, tumpuan utama UiTMCJ adalah untuk memastikan para kumpulan sasar dalaman (pelajar) mendapat pendidikan secara formal dan tidak formal dalam usaha untuk menjadi graduan yang cemerlang. Selain daripada itu, UiTMCJ juga menitikberatkan pelbagai aspek kemenjadian pelajar melalui penglibatan dan dalam **Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Majlis Syura Akademik, Majlis Syura Bersepadu, Majlis Syura Sukan, Majlis Syura Kolej dan KOR, Majlis Syura Keusahawan, Majlis Syura Kerohanian dan Majlis Syura Kebudayaan**. Melalui program-program yang dijalankan di bawah persatuan dan kelab pelajar, UiTMCJ telah berjaya memastikan tiga sasaran keberhasilan pelajar dapat dicapai dengan jayanya. (**Bukti 3.2.3**).

Setiap perancangan yang melibatkan ketiga-tiga sasaran keberhasilan pelajar sentiasa berpaksikan **Performance Indicator (PI)** yang dikeluarkan secara tahunan. UiTMCJ juga mengadaptasi formula **#Johor4Excellence=K⁴E⁴**, yang menjadi tunjang bagi setiap inisiatif strategik. Dalam satu ucapan bersempena **Majlis Sambutan Rektor UiTMCJ** pada 17 Oktober 2022, Prof. Madya Dr. Saunah Binti Zainon (Rektor UiTMCJ) telah menerangkan tentang konsep kecemerlangan ini kepada seluruh warga UiTMCJ. Contoh inisiatif strategik lain yang berlandaskan konsep kecemerlangan adalah mengadakan **sesi Townhall** dan **e-aduan Rektor** bagi memastikan perbincangan yang diadakan antara pihak pengurusan UiTMCJ dan para pelajar adalah perbincangan dua hala. (**Bukti 3.2.4**).

Selain daripada e-Aduan Rektor dan townhall, UiTMCJ juga mengambil serius tentang pengurusan risiko. **Sistem pengurusan risiko** yang strategik mampu mengurus setiap risiko yang berkaitan dengan kumpulan sasar dalaman dan luaran dengan baik. Bagi UiTMCJ, pengurusan risiko yang melibatkan pengurusan pelanggan diketuai oleh seorang penyelaras pengurusan risiko (**Bukti 3.2.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_T01_TB02_20241_UiTMCJ_3.2.1_Pensejajaran_Dasar.pdf](#)
2. [K0059_T01_TB02_20242_UiTMCJ_3.2.2_Pelan_Pembangunan_Pendidikan_Malaysia_2015-2025_\(Pendidikan_Tinggi\).pdf](#)
3. [K0059_T01_TB02_20243_UiTMCJ_3.2.3_Senarai_Persatuan_Dalaman_Pelajar.pdf](#)

-
4. [K0059_T01_TB02_20244_UiTMCJ_3.2.4_Perancangan Keberhasilan Pelajar.pdf](#)
 5. [K0059_T01_TB02_20245_UiTMCJ_3.2.5_Sistem Pengurusan Risiko.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelajar yang merupakan pelanggan dalam UiTMCJ selaku pemegang taruh kepada sesebuah universiti. Bagi memastikan kepuasan hati pelanggan sentiasa berada pada tahap terbaik, segala data pelanggan telah **dikenalpasti, dikumpul, dan disimpan secara teratur dan selamat** oleh UiTMCJ. Penyimpanan maklumat penting dari pelanggan UiTMCJ ini akan memudahkan proses pemantauan projek yang telah dijalankan, dan pada masa yang sama membantu dalam melakukan analisa bagi penambahbaikan untuk setiap projek.

Data berkaitan pelaksanaan dikumpulkan secara berkala dalam bentuk **salinan keras (hardcopy)** dan juga **salinan lembut (softcopy)** oleh setiap ketua projek. Ketua bahagian akan menyimpan setiap salinan keras di dalam fail mengikut nama projek, manakala salinan lembut disimpan kemas mengikut kategori di **Google Drive**. Kedua-dua jenis dokumen ini diselenggara serta dikemaskini oleh pengurus data yang telah dipertanggungjawabkan. Selain itu, setiap program yang telah dijalankan serta kejayaan yang telah dicapai oleh warga UiTMCJ telah **dimuat naik ke laman sesawang rasmi UiTMCJ**. Laman web ini boleh diakses melalui atas talian bagi memudahkan semua warga UiTM dan pelanggan UiTMCJ dari dalam dan luar negara untuk mencapai segala maklumat terkini dengan lebih pantas, singkat, tepat, terkini, sistematik dan berkesan. **(Bukti 3.3.1)**

Rektor UiTMCJ juga telah mengambil inisiatif untuk **menerbitkan beberapa majalah atas talian** bagi mendokumenkan segala data-data pelanggan. Antaranya, **e-ADICITA** bagi melaporkan aktiviti-aktiviti di setiap unit dan bahagian di UiTMCJ. **PARADIGMA**, bagi merekodkan semua aktiviti dan program berkaitan keusahawanan. **Majalah e-Dinamik**, bagi berkongsi hasil karya penulisan para akademik dengan seluruh warga UiTM serta masyarakat luar. Ketiga-tiga majalah ini merupakan suatu inisiatif pendokumentasian yang dilaksanakan bagi merekodkan setiap maklumat mengenai setiap projek untuk tujuan pengumpulan data **(Bukti 3.3.2)**.

Melalui nilai **Kekeluargaan**, UiTMCJ turut mengambil langkah produktif dan proaktif bagi melaksanakan setiap projek dengan melibatkan kumpulan sasaran bagi BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar melalui komunikasi dua hala. **Sesi Townhall** diadakan bagi mendengar aduan pelajar, mengambil pandangan setiap permasalahan yang dikemukakan bagi memastikan suara pelajar didengari. Pelajar juga diberikan ruang dan peluang untuk menyertai pelbagai bidang seperti sukan, kelab, badan uniform, keusahawanan, kesukarelawan dan kemasyarakatan **(Bukti 3.3.3)** melalui majlis perwakilan pelajar (MPP), jawatankuasa perwakilan kolej (JPK), jawatankuasa sukan pelajar (JSP) bagi mengembangkan potensi dan bakat diri.

Bagi mencapai nilai **Kegemilangan**, Pengurusan Kanan UiTMCJ juga telah meluluskan program-program yang melibatkan pemindahan ilmu dan penyediaan pelajar berkualiti kepada industri bagi program *internship*. **Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bernilai RM360,000, Geran-geran Keusahawanan** turut diberikan kepada kumpulan sasaran. Pelaksanaan program berasaskan khidmat sosial Geran Komuniti turut menerima kelulusan daripada Pengurusan Kanan UiTMCJ. Perkara ini secara tidak langsung dapat menjalinkan kerjasama yang erat antara pelajar dengan industri dan masyarakat bagi memastikan kumpulan sasaran mendapat manfaat daripada program yang telah dijalankan selari dengan BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. **(Bukti 3.3.4)**

UiTMCJ berhasrat untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga dalam sahsiah diri. Pemantapan fokus kepada nilai **Emphaty** dapat memastikan setiap pelajar mendapat bantuan dan sokongan yang sewajarnya, tanpa mengira latar belakang mereka. Melalui program bantuan kewangan dan zakat, **Unit Zakat, Sedekah dan Waqaf (UZSW) UiTMCJ telah memperuntukkan sebanyak RM573,384 pada tahun 2023 (Bukti**

3.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_T01_TB03_20241_UiTM CJ 3.3.1 Pengumpulan dan Penyimpanan Data Pelanggan.pdf](#)
2. [K0059_T01_TB03_20242_UiTM CJ 3.3.2 Penerbitan Majalah UiTM CJ.pdf](#)
3. [K0059_T01_TB03_20243_UiTM CJ 3.3.3 Penglibatan Kumpulan Sasar Pelajar Melalui Pelbagai Medium.pdf](#)
4. [K0059_T01_TB03_20244_UiTM CJ 3.3.4 Penglibatan Kumpulan Sasar Melalui Geran dan Kerjasama.pdf](#)
5. [K0059_T01_TB03_20245_UiTM CJ 3.3.5 Penglibatan Kumpulan Sasar Melalui Sumbangan Zakat.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCJ sentiasa memastikan setiap projek yang dijalankan di bawah bidang tumpuan **Pengurusan dan Pembangunan Pelajar** dapat memberikan impak positif kepada semua warga.

The Port merupakan satu platform untuk menjalankan program **Accelerated Entrepreneurship Development (ACE)**. Sebanyak **lapan kiosk niaga** disediakan bagi pelajar menjalankan perniagaan di bawah ACE Program. Program ini memastikan pelajar mampu berdaya saing dalam aspek akademik, bakat keusahawanan dan kesukarelawan. Program **BIZBOX** memberi pendedahan kepada para pelajar berkenaan dunia keusahawanan secara langsung sekaligus membudayakan aktiviti keusahawanan dalam kampus (**Bukti 3.4.1.1**).

CosMos 1.0 merupakan **Pusat Inkubator Keusahawanan Spa dan Sauna (PIKSS) UiTMCJ**. Ianya adalah projek keusahawanan sosial kepada komuniti kelainan upaya (OKU) yang menjurus kepada perkhidmatan spa dan sauna secara mobil oleh pelajar. Projek ini dapat melahirkan graduan yang bukan sahaja bijak dalam akademik malah mampan dalam menjana dan meningkatkan sosial-ekonomi mereka. (**Bukti 3.4.1.2**).

Bagi program **Perbanas Outbound**, terdapat pertukaran pelajar-pelajar yang menjalani latihan industri di Indonesia melalui rakan **MoU-Perbanas Institute Jakarta** untuk tempoh dari 1 September 2023 - 15 Februari 2024. Mesyuarat Jawatankuasa Akademik UiTM Negeri Bilangan 71/2023 pada 22 Ogos 2023 telah bersetuju dan mengesahkan pemindahan kredit kepada pelajar bagi latihan industri bagi semester Oktober 2023 – Februari 2024. Hal ini memberi manfaat dan pengalaman berharga kepada pelajar ketika menjalani praktikal di Indonesia (**Bukti 3.4.1.3**).

MoU di antara UiTM dan **Yayasan Greeneration Indonesia** pula menjadi nilai tambah kepada warga UiTM dan UiTMCJ amnya dengan mendapat kepakaran (**pembangunan komuniti & inovasi sosial**) dan peluang-peluang lain yang ditawarkan oleh pihak Yayasan Greeneration Indonesia. **Sociopreneur Hub Indonesia** di Tangerang Regency, Indonesia ini memberi pendedahan berkaitan proses transformasi sisa plastik kepada produk yang boleh dikomersialkan "**Roaster Block**". MoU ini memberi impak yang positif kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar (**Bukti 3.4.1.4**).

Bagi memastikan setiap projek yang dirancang berjalan lancar, Pengurusan Kanan UiTMCJ melalui **USTU UiTMCJ** sentiasa **memantau** kelancaran projek melalui **Mesyuarat Ketua Bahagian** yang telah menjalankan beberapa strategi pemantauan projek-projek yang dijalankan. Antara strategi yang dibuat adalah membuat pengumpulan data pencapaian petunjuk prestasi secara bulanan, menganalisis hasil dapatan audit, dan mengadakan sesi perkongsian kepada warga UiTMCJ untuk menyebarkan maklumat berkaitan projek-projek yang dijalankan. (**Bukti 3.4.1.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_T01_TB04_TC01_20241_UiTMCJ 3.4.1.1 The Port.pdf](#)
2. [K0059_T01_TB04_TC01_20242_UiTMCJ 3.4.1.2 Spa & Sauna.pdf](#)
3. [K0059_T01_TB04_TC01_20243_UiTMCJ 3.4.1.3 Perbanas Outbound.pdf](#)
4. [K0059_T01_TB04_TC01_20244_UiTMCJ 3.4.1.4 Yayasan Greeneration Indonesia.pdf](#)
5. [K0059_T01_TB04_TC01_20245_UiTMCJ 3.4.1.5 Pemantauan USTU UiTMCJ bagi Kelancaran Projek.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCJ sentiasa peka dengan jalinan dan kebergantungan di antara kumpulan sasar melalui analisis, aduan dan maklumbalas yang diterima daripada pelanggan dalaman dan luaran, iaitu pelajar, komuniti dan industri.

Antara risiko yang mengganggu pembelajaran pelajar terutamanya daripada **keluarga yang kurang mampu** adalah terpaksa mengikat perut dan berjimat. Dengan mengambil kira aspek kebajikan pelajar, pihak UiTMCJ dengan mewujudkan **Food Cart UiTMCJ** sebagai inisiatif kepada pelajar yang memerlukan bantuan bekalan makanan. **Projek Dapur HEP** merupakan salah satu bantuan kepada pelajar yang dilancarkan oleh BHEA UiTMCJ dengan tujuan bagi mengurangkan beban kos makanan yang meningkat susulan keadaan ekonomi semasa (**Bukti 3.4.2.1**).

Risiko seterusnya adalah pelajar-pelajar UiTMCJ didapati **kurang tempat untuk melaksanakan aktiviti pelajar** yang membolehkan mereka menonjolkan bakat dan idea. Bagi mendokong saranan Rektor UiTMCJ dalam aspek keprihatinan, UiTMCJ telah mengubahsuai **Speakers Corner, Glass House** dan **Dewan Sri Selasih**. Ianya menjadi pusat kegiatan pelajar yang dapat dioptimumkan penggunaannya termasuklah bagi aktiviti perbincangan berkumpulan, beristirehat di kampus sementara menunggu peralihan kuliah akademik terutamanya bagi pelajar Non-Residen. Akses internet juga turut disediakan (**Bukti 3.4.2.2**).

Dalam menunjukkan keprihatinan UiTMCJ kepada setiap aduan pelajar, **e-Aduan Rektor merupakan salah satu Rector's Special Projects (RSP)** yang telah diaktifkan bagi mendengar aduan mereka. Maklumat pada e-Aduan rektor dan Aduan Pelanggan menerima aduan, cadangan, penghargaan atau pertanyaan dari pelajar, staf akademik, staf bukan akademik dan pelawat (**Bukti 3.4.2.3**).

Bagi menjaga kebajikan dan mendengar suara mahasiswa UiTMCJ, **sesi Townhall** telah diadakan bertujuan untuk menjawab segala kekeliruan para pelajar berkaitan isu-isu yang berbangkit bersama Rektor dan Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan Johor. Pihak BHEP UiTMCJ juga telah membangunkan sistem atas talian '**Sistem Permohonan Aplikasi Pelajar (SPAP)**' bagi memudahkan pelajar dalam pengahantaran kertas kerja dan kelulusan program (**Bukti 3.4.2.4**). UiTMCJ juga terdedah kepada pelbagai ancaman dan ketidakpastian yang berpunca daripada perkara-perkara melibatkan isu, proses kerja, peristiwa atau kesan risiko perlulah diurus dengan sebaiknya. **Pengurusan risiko** merangkumi proses mengenal pasti peristiwa yang mungkin atau akan berlaku serta tindakan kawalan yang dilaksanakan agar dapat memberi jaminan ke arah pencapaian objektif UiTMCJ. Pelajar boleh membuat aduan kepada penyelarasan unit pengurusan risiko bagi mengisi ke **sistem e-RMS** sehingga ke proses kemaskini daftar risiko (**Bukti 3.4.2.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_T01_TB04_TC02_20241_UiTMCJ 3.4.2.1 Food Bank & Dapur HEP.pdf](#)
2. [K0059_T01_TB04_TC02_20242_UiTMCJ 3.4.2.2 Glass House-Speaker Corner & Dewan Sri Selasih.pdf](#)
3. [K0059_T01_TB04_TC02_20243_UiTMCJ 3.4.2.3 e_Aduan Rektor & Aduan Pelanggan.pdf](#)
4. [K0059_T01_TB04_TC02_20244_UiTMCJ 3.4.2.4 SPAP & Townhall.pdf](#)
5. [K0059_T01_TB04_TC02_20245_UiTMCJ 3.4.2.5 Pengurusan Risiko.pdf](#)

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Maklumbalas pelanggan sama ada dalaman ataupun luaran sentiasa diambil perhatian dan tindakan langsung oleh pengurusan UiTMCJ bagi memastikan formula kecemerlangan **#Johor4Excellence** tercapai dengan penekanan nilai-nilai **Empowerment, Entrusted, Enrichment dan Empathy**. Platform aduan pelanggan akan sentiasa dibuka untuk tindakan penambahbaikan. Contohnya, **e-Aduan Rektor, aduan pelanggan, fasiliti, ICT** serta maklumbalas bagi perkhidmatan dan urusan melalui setiap bahagian dan unit (**Bukti 3.4.3.1**).

Bagi setiap program, analisa akan dilakukan oleh pihak penganjur daripada borang soal selidik yang diterima daripada peserta bagi meneliti keberkesanan program yang telah dijalankan. Contohnya **analisa program** di peringkat antarabangsa bersama pelajar **Universitas Trisakti, Indonesia** (**Bukti 3.4.3.2**).

Oleh kerana UiTMCJ memfokuskan kemenjadian pelajar, medium komunikasi langsung dengan pelajar iaitu **Townhall** dijalankan secara berkala. Pelajar mempunyai ruang untuk membuat aduan, komentar ataupun cadangan kepada pihak pengurusan UiTMCJ. Sebagai tambahan, **Hari Bertemu Pelanggan** dilaksanakan dengan konsisten bagi menjalinkan hubungan baik dengan pelanggan dalaman dan luaran sekaligus mendapatkan maklumbalas serta tahap kepuasan hati pelanggan (**Bukti 3.4.3.3**).

Mekanisme-mekanisme yang dinyatakan dapat menangani aduan berbangkit dan cadangan penambahbaikan daripada pelanggan. Setiap maklumbalas dan aduan akan diteliti, dianalisa dan dibincangkan oleh penganjur program dan pengurusan melalui jawatankuasa program, unit dan bahagian serta pengurusan UiTMCJ. Tindakan penambahbaikan dibincangkan melalui **mesyuarat jawatankuasa**. Aduan yang lebih serius akan dibincangkan dalam **MKB, MKSP dan Mesyuarat JKEN**. Analisa ini bertujuan mengkaji semula pengurusan sekaligus menentukan tindakan yang perlu diambil bagi menambahbaik program dan mencapai Petunjuk Prestasi yang telah ditetapkan (**Bukti 3.4.3.4**).

Perancangan bagi tindakan penambahbaikan sentiasa disemak dari masa ke semasa, diambil maklum dan diteliti serta akan dilaksanakan oleh pihak berkenaan. Penelitian terhadap maklumbalas pelanggan UiTMCJ dapat memastikan pelaksanaan memenuhi kehendak pelanggan. Sebagai contoh, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) mengambil inisiatif mewujudkan satu platform untuk permohonan program yang dinamakan **sistem SPAP** secara dalam talian bagi mengatasi isu mengenai **ketiadaan platform khusus untuk permohonan aktiviti**. Bahagian HEP turut menerima aduan daripada pelajar berkenaan **ketiadaan ruang aktiviti** yang akhirnya membawa kepada penyediaan **Glass House sebagai ruang aktiviti pelajar** (**Bukti 3.4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_T01_TB04_TC03_20241_UiTMCJ 3.4.3.1 Analisa maklum balas.pdf](#)
2. [K0059_T01_TB04_TC03_20242_UiTMCJ 3.4.3.2 Sampel maklum balas program.pdf](#)
3. [K0059_T01_TB04_TC03_20243_UiTMCJ 3.4.3.3 Townhall dan Hari Bertemu Pelanggan.pdf](#)
4. [K0059_T01_TB04_TC03_20244_UiTMCJ 3.4.3.4 minit mesyuarat MKB dan JKEN.pdf](#)
5. [K0059_T01_TB04_TC03_20245_UiTMCJ 3.4.3.5 SPAP dan Glasshouse.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi memastikan segala aduan yang diterima daripada pihak pelanggan diambil tindakan, UiTMCJ sentiasa proaktif dalam mengurus serta memantau perjalanan maklumbalas pelanggan secara holistik dan optimum. UiTMCJ telah berjaya menghasilkan beberapa inovasi.

Melalui inisiatif '**RSP4: Bantu Kami, Bantu Anda**', BHEP UiTMCJ telah membangunkan inovasi **Sistem SPAP** bagi memudahkan proses permohonan, kelulusan dan pelaporan penganjuran program oleh pelajar dengan **mempercepatkan 70% proses pengurusan masa, menjimatkan 50% kos operasi dan memendekkan proses kerja (Bukti 3.5.1)**. Inisiatif ini sekaligus menyokong hala tuju **Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025**. Keberkesanan Sistem SPAP turut **disebarluaskan ke Kolej Komuniti Segamat 2** dengan sedikit pengubahsuaian (**Bukti 3.5.2**).

Disamping itu juga, Bahagian Pentadbiran UiTMCJ juga telah menghasilkan sistem **Non-Resident Online Transport Booking (NR-OTB)**. Sistem ini menjadi suatu platform tempahan keperluan penggunaan kenderaan khusus kepada pelajar Non-Residen (NR). Inisiatif platform dibangunkan agar maklumat keperluan kenderaan bagi mengambil/menghantar pelajar NR dapat disediakan dengan lebih bersasar disamping mengoptimum sumber manusia (pemandu) dan penjimatan kos pengoperasian kenderaan. (**Bukti 3.5.3**).

Inisiatif RSP4 ini juga telah menghasilkan **Sistem Pendigitalan Proses Permohonan Pengecualian Kuliah** oleh BHEA UiTMCJ yang bertujuan untuk memudahkan proses permohonan pengecualian kuliah oleh pelajar secara digital yang mana sebelum ini pelajar membuat permohonan menggunakan borang secara manual. Selain daripada lebih efisien, kaedah ini juga dilihat dapat menjimatkan masa, tenaga dan wang (**Bukti 3.5.4**).

Sistem e-Aduan Rektor yang merupakan **inisiatif RSP 3** telah digunapakai bagi memberi kemudahan kepada seluruh warga UiTMCJ untuk memberikan aduan dan pandangan kepada sistem pengurusan di UiTMCJ. Sistem ini boleh diakses secara atas talian di semua tempat tanpa mengira masa. Sistem ini dipantau secara terus oleh Rektor dan tindakan segera akan diambil bagi isu-isu kritikal. Selain itu juga, **Amanat Rektor dan sesi Townhall** yang dijalankan di Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang juga menjadi bukti kepada integrasi yang wujud antara kampus di UiTMCJ. Pada sesi Amanat Rektor, warga UiTMCJ telah ditekankan berkenaan budaya transformasi dalam persekitaran kerja (**Bukti 3.5.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_T01_TB05_20241_UiTMCJ_3.5.1_Sistem SPAP.pdf](#)
2. [K0059_T01_TB05_20242_UiTMCJ_3.5.2_Potensi Pengkomersilan Sistem SPAP.pdf](#)
3. [K0059_T01_TB05_20243_UiTMCJ_3.5.3_Sistem NR-OTB.pdf](#)
4. [K0059_T01_TB05_20244_UiTMCJ_3.5.4_Sistem Pendigitalan Proses Permohonan Pengecualian Kuliah.pdf](#)
5. [K0059_T01_TB05_20245_UiTMCJ_3.5.5_e-Aduan Rektor-Amanat Rektor dan Townhall.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan (Plan) di peringkat UiTMCJ sentiasa memastikan segala data dalam bidang Pengurusan dan Pembangunan Pelajar dikumpul, dianalisa dan dilihat keberkesannya agar ianya selari dengan tiga sasaran keberhasilan pelajar utama iaitu **1. “Beyond Education Toward Success (BeyondEd)” 2. “Creating Future Talents (FutureTalents)” 3. “Empowering Entrepreneurship and Reaching Society (Sociopreneur)”**. Bertunjangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025, UiTMCJ menetapkan sasaran keberhasilan pelajar ini menggunakan item ukuran pencapaian PI berlandaskan nilai-nilai **K⁴** iaitu **Kebajikan, Keprihatinan, Kekeluargaan, dan Kegemilangan** yang diperkasakan lagi dengan nilai - nilai **E⁴** iaitu **Empowerment (Pemeriksaan), Entrusted (Kepercayaan), Enrichment (Pengayaan) dan Empathy (Empati)**. Kesemua item ini diukur seiring dengan hasrat UiTMCJ untuk menuju **#Johor4Excellence** menerusi formula **K⁴E⁴** ini.

Pelaksanaan (Do) bagi pengukuran dan analisa dibuat secara berperingkat iaitu, (i) **bagaimana data dikumpul serta kekerapannya**, (ii) **bagaimana data diselenggara dan disimpan**, (iii) **bagaimana data dianalisa dan digunakan untuk pengurusan tertinggi membuat keputusan** (iv) **bagaimana hebahan data kepada warga UiTMCJ dilaksanakan**. Secara amnya, setiap unit dan bahagian di UiTMCJ mempunyai pegawai bertanggungjawab yang dilantik dan bertindak sebagai **pegawai pengurus data** yang mengurus data, mengumpul data, menyimpan data, menganalisa data, melaporkan secara terus ke peringkat pengurusan tertinggi dan memastikan input data ini sampai ke pengetahuan warga UiTMCJ. Pegawai pengurus data perlu memastikan wujudnya sistem yang teratur bagi tujuan pengumpulan data, wujudnya tenaga profesional yang berkelayakan bagi menghasilkan program yang berimpak tinggi, fasiliti dan prasarana yang lengkap bagi mendukung dan memastikan setiap unit dan bahagian di UiTMCJ dapat merealisasikan program-program yang telah diatur dan dirancang.

Proses **Pemantauan (Check)** dimulakan dengan proses pemantauan item ukuran oleh pegawai pengurus data dengan menyediakan **laporan status pencapaian** PTJ dibawah seliaan masing-masing. Data – data yang telah **dikumpul ini, dianalisa dan dibentangkan** di dalam mesyuarat bagi melihat dan mengenalpasti keperluan dan risiko bagi setiap sesuatu item ukuran. Dengan menggunakan data yang terkumpul, perbandingan dapat dibuat diantara pencapaian semasa dengan pencapaian pada semester/tahun yang lepas. Data - data ini dianalisa bertujuan untuk membantu Pihak Pengurusan Kanan UiTMCJ membuat **Decision Making** dengan jitu dan padu seterusnya membantu dalam membentuk dan memperkukuh pencapaian **Pelan Strategik UiTMCJ**.

Untuk aktiviti **Penambahbaikan (Act)**, data – data yang telah dikumpul ini, dianalisa dan dibentangkan di dalam mesyuarat bertujuan untuk melihat penambahbaikan. Hal ini amat penting dalam setiap item pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan organisasi secara menyeluruh agar penambahbaikan di UiTMCJ dapat disempurnakan. **Semakan semula kemajuan Pelan Tindakan Strategik dan Unit Pemantauan Pelaksanaan Projek (UEPMO)** juga dilakukan untuk memastikan semua inisiatif berjalan lancar dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bertunjangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025, UiTMCJ telah memfokuskan **objektif strategik** “Melahirkan Mahasiswa Budiman Yang Gah Di Mata Dunia” selaras dengan Amanat Menteri Pengajian Tinggi 2023 dalam fokus ke 9: **Kualiti & Kecemerlangan Akademik** & fokus ke 11: **Pemeriksaan Mahasiswa** dan Amanat Naib Canselor UiTM 2023 : **Melonjakkan Kebolehpasaran Pelajar di Peringkat Dunia**. Dalam usaha merealisasikan **objektif strategik**, UiTMCJ meletakkan **3 Fokus Keberhasilan Pelajar *BeyondEd, FutureTalents dan Sociopreneur*** (Bukti 4.2.1)

Berpandukan nilai-nilai inisiatif E^4 yang merangkumi ***Empowerment, Entrusted, Enrichment, dan Empathy***, Pengurusan Kanan UiTMCJ komitmen untuk melahirkan graduan cemerlang secara holistik. Formula kecemerlangan ***#Johor4Excellence = K⁴E⁴*** melalui PI UiTMCJ digunakan dalam pengukuran dan analisa terhadap setiap item ukuran. Pengukuran dan analisa dibuat secara berperingkat iaitu, **Peringkat 1: bagaimana data dikumpul serta kekerapannya, Peringkat 2: bagaimana data diselenggara dan disimpan, Peringkat 3: bagaimana data dianalisa dan digunakan untuk pengurusan tertinggi membuat keputusan, Peringkat 4: bagaimana hebahan data kepada warga UiTMCJ dilaksanakan.**

Peringkat 1

Terdapat **11 item ukuran** yang digunakan oleh UiTMCJ untuk mengukur pencapaian BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar (Bukti 4.2.2). Melalui item-item ukuran ini, UiTMCJ memastikan item ukuran ini mencapai dan melebihi sasaran yang ditetapkan. Hal ini telah dizahirkan dalam Kriteria 7 melalui **Hasil Perancangan Strategik (3 item), Hasil Operasi (4 item) dan Hasil Sumber Manusia (4 item)**. Melalui item ukuran yang dikenalpasti, UiTMCJ telah dapat melahirkan graduan yang cemerlang dalam akademik serta sahsiah diri sekaligus mencapai formula kecemerlangan ***#Johor4Excellence = K⁴E⁴***.

Peringkat 2

Secara amnya, setiap unit dan bahagian di UiTMCJ mempunyai **pegawai bertanggungjawab** yang dilantik dan bertindak sebagai **pegawai pengurus data**. Pegawai pengurus data ini bertanggungjawab mengurus, mengumpul, menyimpan, menganalisa dan melaporkan secara terus kepada pengurusan tertinggi dan memastikan input data ini sampai ke pengetahuan warga UiTMCJ. Pegawai pengurus data berperanan **mewujudkan pengkalan data item ukuran** BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar untuk penyimpanan data secara sistematik. Sebagai contoh, Bahagian Pentadbiran UiTMCJ merekodkan data staf akademik yang mempunyai kelayakan profesional dalam **Microsoft Excel**. Tenaga Profesional menjadi pakar rujukan dalam membantu para pelajar mencapai sasaran keberhasilan pelajar. Manakala, BHEP UiTMCJ telah mewujudkan sistem atas talian, **Sistem Aktiviti Permohonan Pelajar (SPAP)** yang sangat mesra pengguna dan efisien bagi tujuan pengumpulan data. (Bukti 4.2.3).

Peringkat 3

Item – item ukuran ini kemudiannya dianalisa bertujuan untuk membantu Pihak Pengurusan Kanan UiTMCJ membuat **Decision Making** seterusnya membantu dalam membentuk dan memperkukuh **Pelan Strategik UiTMCJ**. Data – data yang dikumpul **dianalisa dan dibentangkan** di mesyuarat seperti Mesyuarat Ketua Bahagian (Bukti 4.2.4). Melalui mesyuarat ini juga, Pengurusan Kanan UiTMCJ meneliti keperluan pelajar dan staf bagi membantu mencapai sasaran keberhasilan pelajar mencapai formula kecemerlangan ***#Johor4Excellence = K⁴E⁴***.

Peringkat 4

UiTMCJ mengutamakan penyampaian dan penyebaran maklumat secara berkesan dan telus serta menyampaikan strategi pelaksanaan yang sistematik, komprehensif dan menyeluruh kepada warga UiTMCJ sebagai komponen penting dalam mencapai matlamat dan inisiatif

strategik yang telah dirancang. **Perluasan** dan **perkongsian maklumat hala tuju UiTMCJ** adalah secara terus antaranya melalui emel, laman sesawang, media sosial, Amanat Rektor, Saunah Sharing Session (3S), Sesi Libat Urus, Mesyuarat Akademik dan sesi **Campus Townhall** bersama pelajar. (**Bukti 4.2.5**)

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_A01_AB02_20241_UiTMCJ_4.2.1 Pensejajaran Dasar.pdf](#)
2. [K0059_A01_AB02_20242_UiTMCJ_4.2.2 Item Ukuran dan Keckerapan Data.pdf](#)
3. [K0059_A01_AB02_20243_UiTMCJ_4.2.3 Contoh Sistem Pengumpulan Data Pentadbiran dan Hal Ehwal Pelajar.pdf](#)
4. [K0059_A01_AB02_20244_UiTMCJ_4.2.4 Minit Mesyuarat MKB_Bengkel Kemajuan Kerjaya Pensyarah.pdf](#)
5. [K0059_A01_AB02_20245_UiTMCJ_4.2.5 Perkongsian Maklumat.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Data bagi program dan pencapaian dalam BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar dikumpulkan dan disimpan bagi tujuan dokumentasi dan penambahbaikan. Setiap unit dan bahagian di UiTMCJ mempunyai pegawai bertanggungjawab yang bertindak sebagai **pegawai pengurus data** yang **menguruskan dokumen seperti kertas kerja, surat permohonan dan kelulusan, serta menilai dan menganalisa** bilangan dan keberhasilan setiap program serta pencapaian pelajar mahupun pensyarah di dalam pertandingan peringkat nasional dan antarabangsa. Data aktiviti dan pencapaian pelajar, serta program yang melibatkan pensyarah bagi memperkukuh pembangunan pelajar, direkodkan oleh pegawai pengurus data di unit – unit yang bertanggungjawab, bagi mengoptimumkan pengurusan data yang teratur dan konsisten, bagi tujuan rekod, penilaian, analisa, dan penambahbaikan. Setiap unit di UiTMCJ mempunyai peranan dan tanggungjawab yang selari dalam Pengurusan dan Pembangunan Pelajar, bertunjangkan kepada tiga sasaran keberhasilan pelajar UiTMCJ iaitu ***BeyondEd, FutureTalents, dan Sociopreneur.***

Bahagian Pentadbiran UiTMCJ memainkan peranan penting dalam merekodkan data pensyarah yang terlibat dalam usaha pembangunan pelajar, di bawah inisiatif ***BeyondEd.*** Kurikulum yang menyeluruh dan pensyarah yang berkeelayakan memainkan peranan penting dalam menghasilkan pelajar yang berilmu dan berkemahiran tinggi. Justeru, Bahagian Pentadbiran UiTMCJ **mengumpul data berkaitan kepakaran staf** di mana indikator ini menunjukkan jumlah yang signifikan (**Bukti 4.3.1**). Data ini dikumpul **sebulan sekali dan dianalisa setiap bulan.** Ianya dikumpul secara **manual dan dikemaskini dalam Microsoft Excel** oleh pegawai pengurus data yang bertanggungjawab bagi tujuan rujukan, penilaian dan analisa. Manakala **data aktiviti pelajar** dan program melibatkan implementasi ilmu seperti program pertukaran pelajar dan penglibatan serta kolaborasi bersama Universiti antarabangsa, adalah di bawah tugas **BPJI UiTMCJ. Data dikumpulkan setiap semester, dan analisa serta laporan (Bukti 4.3.2)** dikeluarkan bagi tujuan penambahbaikan bagi petunjuk prestasi Universiti.

BHEP UiTMCJ khususnya, mengumpul dan memproses data berkaitan penglibatan dan pencapaian pelajar di dalam program melibatkan kepimpinan dan kesukanan di bawah keberhasilan ***“FutureTalents”***. Secara amnya, kesemua program yang melibatkan aktiviti kepimpinan dan kesukanan pelajar akan diuruskan oleh BHEP UiTMCJ, di mana setiap **permohonan, kelulusan dan laporan program direkodkan di dalam sistem** yang dinamakan sebagai **Sistem SPAP(Bukti 4.3.3)**. UiTMCJ adalah merupakan **kampus cawangan pertama** yang membangunkan sistem bagi permohonan melibatkan aktiviti pelajar. Data bagi setiap permohonan dan aktiviti yang diluluskan **direkod, dinilai dan dianalisa pada setiap semester,** serta **pelaporan** aktiviti juga diisi di dalam sistem ini bagi memudahkan pegawai pengurus data mengekstrak laporan secara terus.

Bagi memperkasakan keberhasilan pelajar dari sudut ***“Sociopreneur”***, unit yang terlibat adalah tertumpu kepada ***Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED) dan BPJI UiTMCJ.*** Unit ini bertanggungjawab merekod aktiviti melibatkan keusahawanan dan kesukarelawan. Data bagi program keusahawanan di bawah tanggungjawab MASMED **dikumpul secara manual softcopy,** begitu juga bagi program kesukarelawan. Data ini **direkod setiap semester, dan analisa serta laporan (Bukti 4.3.4)** dikeluarkan bagi tujuan penambahbaikan bagi petunjuk prestasi Universiti. Maklumat kekerapan data bagi setiap bahagian dan unit ini adalah seperti di (**Bukti 4.3.5**)

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_A01_AB03_20241_UiTMCJ_4.3.1 Data Kepakaran Staf.pdf](#)

2. [K0059_A01_AB03_20242_UiTMCJ_4.3.2 Contoh Data Dikumpul, Dianalisa dan Dibentangkan di Mesyuarat.pdf](#)
3. [K0059_A01_AB03_20243_UiTMCJ_4.3.3 Contoh Data Direkod di dalam Sistem.pdf](#)
4. [K0059_A01_AB03_20244_UiTMCJ_4.3.4 Contoh Data Direkod Secara Manual.pdf](#)
5. [K0059_A01_AB03_20245_UiTMCJ_4.3.5 Jadual Kekerapan Data.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pencapaian dilaksanakan secara berkala dan berperingkat mengikut kekerapan analisa data yang telah ditetapkan. Data-data di setiap Bahagian dan Unit dikumpul oleh **pegawai pengurus data** yang dilantik (**Bukti 4.4.1.1**). Proses pemantauan item ukuran dimulakan oleh pegawai pengurus data dengan menyediakan laporan status pencapaian PTJ dibawah seliaan masing-masing. Data yang dikumpul oleh pegawai pengurus data direkodkan melalui sistem. (**Bukti 4.4.1.2**)

Analisa pencapaian seterusnya **disemak** oleh ketua-ketua bahagian bagi mengenalpasti kelemahan untuk tujuan penambahbaikan. Antara mekanisma penambahbaikan termasuk **melantik pegawai bertanggungjawab** untuk membuat pemantauan lanjutan dan penyediaan pelaporan status pencapaian. Pelaporan status pencapaian yang disediakan ini akan **dibentangkan** oleh ketua bahagian kepada Pengurusan Kanan UiTMCJ dalam pelbagai **mesyuarat seperti JKEN, MKSP dan MKB** bagi tujuan pemantauan pencapaian, dan seterusnya membincangkan tindakan penambahbaikan prestasi bagi keseluruhan kampus. (**Bukti 4.4.1.3**). Pelaporan program-program yang telah dijalankan diserbarluas melalui penerbitan e-ADICITA yang boleh diakses secara maya. (**Bukti 4.4.1.4**)

Pemantauan pencapaian juga dilakukan oleh Unit Pengurusan Kualiti dan Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU). **Laporan pencapaian objektif kualiti, dapatan audit dalam dan status pencapaian sasaran USTU turut dibentangkan** bagi mengesahkan semakan terhadap pelaksanaan dan pencapaian UiTMCJ. Kemudian, penyelar USTU akan **mengemaskini semua pencapaian prestasi bulanan** bagi setiap dan **hebahan pencapaian petunjuk prestasi dimaklumkan** kepada warga kampus UiTMCJ melalui **email (Bukti 4.4.1.5)**. Secara keseluruhan, dengan terlaksananya pemantauan pencapaian dan penambahbaikan prestasi yang sistematik di UiTMCJ dapat membantu pencapaian KPI UiTM dan KPI UiTMCJ dengan lebih efektif. Secara tidak langsung, pencapaian dalam pengurusan dan pembangunan pelajar dapat dipastikan dengan lebih berkesan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_A01_AB04_AC01_20241_UiTMCJ_4.4.1.1 Contoh Surat Lantikan Pegawai Pengurus Data.pdf](#)
2. [K0059_A01_AB04_AC01_20242_UiTMCJ_4.4.1.2 Contoh Sistem Pengumpulan Data Pentadbiran dan Hal Ehwal Pelajar.pdf](#)
3. [K0059_A01_AB04_AC01_20243_UiTMCJ_4.4.1.3 Pemantauan Melalui Mesyuarat.pdf](#)
4. [K0059_A01_AB04_AC01_20244_UiTMCJ_4.4.1.4 Majalah e-ADICITA.pdf](#)
5. [K0059_A01_AB04_AC01_20245_UiTMCJ_4.4.1.5 Hebahan Pencapaian Melalui Email.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan boleh terjejas dengan terdapatnya risiko. Kegagalan untuk menangani risiko akan menjejaskan fokus terhadap pencapaian KPI UiTMCJ yang menyukarkan pencapaian dalam tiga sasaran keberhasilan pelajar. Risiko dikenal pasti melalui analisa dan pemerhatian dari pegawai pengurus data di setiap PTJ dan direkodkan dalam **Daftar Risiko. (Bukti 4.4.2.1)**. Selain itu, **Mesyuarat JKEN, Mesyuarat Pengurusan Risiko, MKB, dan MKSP** juga diadakan dalam menyelia proses mengenal pasti risiko, mendaftar risiko, mengambil tindakan mitigasi serta pemantauan berkala **(Bukti 4.4.2.2)**. UiTMCJ mengenalpasti risiko-risiko BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar melalui **maklumbalas program** yang telah dijalankan oleh pelajar. Maklumbalas ini dikumpul melalui laporan setelah program tamat dijalankan **(Bukti 4.4.2.3)**. Proses kenal pasti risiko juga melibatkan analisis data melalui **soal selidik dan aduan** oleh warga UiTMCJ **(Bukti 4.4.2.4)**. Terdapat beberapa risiko yang berlaku apabila data-data yang ada disimpan secara manual di dalam fail. Antaranya:

1. **Data berselerak** - Kemungkinan boleh berlaku kehilangan data jika disimpan secara manual di dalam fail dan tidak tersusun
2. **Data tidak dapat disahkan (tiada validity)** - Data-data yang disimpan perlu dikemaskini dengan status terkini
3. **Data tidak dikemaskini (outdated)** - Data-data yang disimpan secara manual perlu dikemaskini secara lebih kerap dan berkala untuk mengelakkan keciciran data

Melalui senarai tugas yang telah ditetapkan, pegawai pengurus data memainkan peranan penting dalam merekod, menyelenggara dan menganalisa data yang dikumpulkan bagi memastikan pencapaian sasaran keberhasilan pelajar **(Bukti 4.4.2.5)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_A01_AB04_AC02_20241_UiTMCJ_4.4.2.1_Contoh_Daftar_Risiko.pdf](#)
2. [K0059_A01_AB04_AC02_20242_UiTMCJ_4.4.2.2_Contoh_Minit_Mesyuarat.pdf](#)
3. [K0059_A01_AB04_AC02_20243_UiTMCJ_4.4.2.3_Sampel_maklum_balas_program.pdf](#)
4. [K0059_A01_AB04_AC02_20244_UiTMCJ_4.4.2.4_Senarai_Aduan_oleh_Warga_UiTMCJ.pdf](#)
5. [K0059_A01_AB04_AC02_20245_UiTMCJ_4.4.2.5_Senarai_Tugas_Pengurus_Data.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Berdasarkan kepada risiko-risiko yang telah dibentang dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko, MKB dan MKSP, beberapa tindakan penambahbaikan telah dijalankan hasil daripada analisa terdahulu. Antaranya termasuklah projek KIK **Pendigitalan Proses Kerja Borang Pengecualian Kuliah**, penggunaan **sistem e-Maklum**, pelaksanaan **Bengkel Microsoft** yang meliputi Microsoft Excel bagi tujuan latihan pengurusan data kepada staf. Projek KIK **Pendigitalan Proses Kerja Borang Pengecualian Kuliah** bertujuan untuk mempercepat dan mempermudah proses pengurusan pengecualian kuliah, sekaligus meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kesilapan kemasukan data secara manual (**Bukti 4.4.3.1**). Sementara itu, **Bengkel Microsoft Excel** diadakan untuk meningkatkan kemahiran pengurusan data dalam kalangan staf, membolehkan mereka mengurus data dengan lebih efektif dan efisien. Latihan ini diharapkan dapat meningkatkan produktiviti serta keupayaan staf dalam menangani tugas-tugas yang melibatkan pengurusan dan penyimpanan data. (**Bukti 4.4.3.2**)

Selain itu, untuk menambahbaik kemenjadian pelajar pula, USTU telah menetapkan untuk BHEP UiTMCJ melaksanakan projek **Student Building Block Catalyst** di mana antara aktiviti yang diterapkan adalah asas pemerksaan dan penjenamaan kepimpinan mahasiswa (**Bukti 4.4.3.3**). Ini sekaligus membantu UiTMCJ mencapai sasaran keberhasilan pelajar.

Untuk memastikan keberkesanan tindakan ini, status projek sentiasa dikemaskini dan dipantau secara berkala. Selain itu, semakan semula kemajuan Pelan Tindakan Strategik dan Unit Pemantauan Pelaksanaan Projek (**UEPMO**) juga dilakukan untuk memastikan semua inisiatif berjalan lancar dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Semakan semula Pelan Tindakan Strategik dilakukan secara berkala, terutama di dalam **MKB (Bukti 4.4.3.4)**, bagi memastikan pelaksanaan pelan strategik UiTMCJ dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Selian itu, dapatan daripada sistem **e-Maklum** dibincangkan dan dianalisa di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSB) dan cadangan tindakan penambahbaikan dikenalpasti. (**Bukti 4.4.3.5**)

Dengan pendekatan ini, diharapkan semua risiko yang dikenalpasti dapat diminimakan dan pengurusan keseluruhan organisasi dapat diperkukuhkan. Dengan komitmen ini, UiTMCJ berusaha untuk memastikan setiap langkah penambahbaikan bukan sahaja dapat mengatasi risiko yang dikenalpasti tetapi juga membawa kepada peningkatan keseluruhan dalam kecekapan dan keberkesanan operasi. Ini adalah langkah penting untuk mencapai objektif strategik dan memacu kejayaan jangka panjang UiTMCJ.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_A01_AB04_AC03_20241_UiTMCJ_4.4.3.1 Projek KIK Pendigitalan Proses Kerja Borang Pengecualian Kuliah.pdf](#)
2. [K0059_A01_AB04_AC03_20242_UiTMCJ_4.4.3.2 Poster Bengkel Microsoft.pdf](#)
3. [K0059_A01_AB04_AC03_20243_UiTMCJ_4.4.3.3 Contoh Aktiviti Kepada Pelajar.pdf](#)
4. [K0059_A01_AB04_AC03_20244_UiTMCJ_4.4.3.4 Semakan Semula Kemajuan Pelan Tindakan Strategik.pdf](#)
5. [K0059_A01_AB04_AC03_20245_UiTMCJ_4.4.3.5 Penggunaan Sistem e-Maklum.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan yang telah dilakukan, maklumat boleh dipaparkan secara lebih berkesan dan interaktif dan capaian maklumat turut dapat dicapai, dianalisa dan dibincangkan bersama-sama oleh pihak yang terlibat. Secara amnya, maklumat para pensyarah beserta bidang kepakaran masing-masing dapat diperolehi melalui sistem **UiTM Expert** yang digunapakai di seluruh UiTM. Dengan adanya kepakaran ini, para pelajar dapat mengetahui secara terus tentang kepakaran yang ada di universiti malahan boleh terus menghubungi pakar tersebut. Di UiTMCJ, kelainan dan inisiatif ada dibuat di peringkat fakulti. Sebagai contoh, UiTMCJ telah membangunkan satu **aplikasi dashboard/corepoint (Bukti 4.5.1)** bagi proses pengumpulan dan pencarian data. Capaian maklumat seperti **takwim aktiviti fakulti, urusan pentadbiran, sistem kuliah dan sistem UiTM** dapat memudahkan para pelajar ini mendapat maklumat secara terus menerusi pensyarah yang mengajar atau penasihat akademik yang dilantik. Dengan kemudahan aplikasi yang diwujudkan, data akan dikemas kini semasa ke semasa mengikut keperluan dan maklumat boleh disalurkan secara terus ke peringkat Pengurusan Kanan UiTMCJ.

Latihan kepada para pensyarah turut dilaksanakan sebagai satu inisiatif dalam menambahkan ilmu pengetahuan para pengajar. Sebagai contoh, terdapat bengkel yang dianjurkan oleh organisasi luar seperti **Microsoft Teams** telah disertai oleh pensyarah UiTMCJ sebagai **tenaga pengajar bagi Apps Microsoft 365**. Hasil daripada penyertaan bengkel seperti ini, ilmu yang diperolehi mampu disampaikan kembali kepada para pelajar di samping meningkatkan kepakaran yang sedia ada. Selain itu, program yang dianjurkan sendiri di dalam UiTMCJ seperti **Bengkel Microsoft PowerBi** mampu membantu pelajar dalam menganalisis dan memvisualisasikan data secara berkesan di samping menyediakan kumpulan pelajar di dalam **pertandingan berkaitan Big Data**. Secara tidak langsung, inisiatif ini dapat mengembangkan bakat pelajar (**Bukti 4.5.2**).

Selain itu, untuk kemenjadian pelajar bahagian HEP telah memainkan peranan penting dengan mengadakan pelbagai aktiviti kepada pelajar dan sekaligus membantu dalam memacu pelajar ke arah kecemerlangan. Antaranya adalah melaksanakan projek Student Building Block Catalysis di mana antara aktiviti yang diterapkan adalah asas pemerksaan dan penjenamaan kepimpinan mahasiswa (**Bukti 4.5.3**). Ini sekaligus membantu UiTM Cawangan Johor mencapai kecemerlangan **#Johor4Excellence = K4E4**.

Melalui pencapaian PI dan aktiviti yang telah dijalankan oleh staf UiTMCJ sepanjang tahun, satu laporan berbentuk liputan majalah telah diterbitkan melibatkan aktiviti-aktiviti setiap bahagian untuk kedua-dua kampus UiTMCJ iaitu Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. **Penerbitan majalah e-ADICITA** ini adalah sangat penting sebagai kayu pengukur dan menjadi satu indikator semak dan imbang bagi pentadbiran semasa. Selain untuk tujuan kewujudan (visibility) kampus, pelaporan ini dapat memberi gambaran secara zahir mengenai aktiviti atau program yang berlaku di UiTMCJ sepanjang 2023. Majalah ini diterbitkan tiga kali setahun secara berperingkat untuk makluman umum dan boleh dirujuk di laman web rasmi UiTMCJ (**Bukti 4.5.4**).

Bagi memastikan kelancaran proses permohonan, kelulusan dan pelaporan program pelajar, **sistem SPAP** menjadi satu platform bersepadu yang telah dibudayakan secara meluas oleh warga UiTMCJ. Sistem ini adalah terhasil daripada tindakan penambahbaikan bagi memastikan data dikumpul, dianalisa dan disimpan secara sistematik. (**Bukti 4.5.5**)

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_A01_AB05_20241_UiTMCJ_4.5.1 Contoh Integrasi Paparan Aplikasi.pdf](#)
2. [K0059_A01_AB05_20242_UiTMCJ_4.5.2 Contoh Latihan Kepada Pensyarah.pdf](#)
3. [K0059_A01_AB05_20243_UiTMCJ_4.5.3 Contoh Aktiviti Kepada Pelajar.pdf](#)
4. [K0059_A01_AB05_20244_UiTMCJ_4.5.4 Majalah e-ADICITA.pdf](#)

5. [K0059_A01_AB05_20245_UiTMCJ_4.5.5 Sistem SPAP.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam mensasarkan visi kemenjadian manusia sebagai manusia budiman, UiTMCJ melibatkan warganya dalam **tiga sasaran keberhasilan pelajar** iaitu ***BeyondEd, FutureTalents and Sociopreneur***. UiTMCJ turut memberi tumpuan kepada pencapaian **#Johor4Excellence=k4E4** serta mensasarkan **bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar**. Untuk menjadi 'Globally Renowned University' pada 2025, **perancangan (Plan)** ditetapkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ, bagi mencapai 80 Petunjuk Prestasi (PI) dan 16 inisiatif strategik 'Rector's Special Projects' (RSP). Bahagian Pentadbiran menggunakan kaedah PDCA (Plan-Do-Check-Act) dalam aspek pengurusan sumber manusia. Proses pengambilan **staf dinilai berdasarkan kualiti, kepakaran, dan kelayakan**. Manakala, keutamaan staf akademik pula diberikan kepada calon yang menjadi **ahli badan profesional, mempunyai kelayakan profesional, dan memiliki pengalaman industri**. Staf yang baru dilantik perlu mengikuti **Kursus Pengukuhan Staf Baharu**, serta dibekalkan dengan **Kit Staf** bagi membolehkan mereka mendapat informasi berkaitan pengurusan sumber manusia. Keperluan latihan sebanyak 42 jam setahun dan **'Training Need Analysis'** juga ditekankan. Sebagai menghargai penglibatan staf dalam mengharumkan nama UiTMCJ, mereka disambut dalam Majlis Hari Inovasi dan Kualiti UiTMCJ. Kejayaan staf turut dikongsi kepada seluruh warga UiTMCJ.

HEP berperanan dalam **pelaksanaan (Do)** aktiviti pembangunan pelajar serta melahirkan model graduan UiTM yang dapat memenuhi keperluan pasaran. Pelajar berkeusahawanan dilatih melalui **Program Bizbox, Bazar SISWA, dan program kolaborasi bersama industri**. Staf yang berpotensi dilantik sebagai **penasihat persatuan, panel, fasilitator, dan penceramah**, dan dipilih berdasarkan kelayakan akademik, pensijilan profesional, serta pengalaman industri. Kemahiran staf dipertingkatkan dengan keperluan menjalani **latihan kompetensi umum, khusus dan ICT**. Penganjuran program-program pembelajaran, keusahawanan, dan **kolaborasi dalam bentuk MOU/MOA**, membuktikan pengiktirafan kepakaran staf UiTMCJ di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Medium mesyuarat menjadi platform **pemantauan (Check)** maklumbalas serta masalah-masalah yang dihadapi bagi memastikan pencapaian inisiatif strategik. **Platform e-Aduan Rektor** membolehkan aduan diselesaikan dengan cepat dan berkesan. **Pasukan Audit Dalam** menilai kepatuhan setiap bahagian mengikut standard yang ditetapkan. Risiko memiliki impak negatif terhadap pencapaian objektif. Ini termasuk **risiko kekurangan sumber manusia** untuk menjalankan program bidang BCE, dan kurang keterlibatan dengan program keusahawanan. Langkah intervensi risiko dilakukan oleh **Jawatankuasa Pemilik Risiko UiTMCJ** untuk mengurangkan impak risiko. Agenda **pemeriksaan mahasiswa, pendekatan kerjasama serta latihan, membantu mengurangkan beban kerja**. Staf turut diberi gantian cuti rehat setelah melakukan aktiviti-aktiviti universiti. Sebagai motivasi, penglibatan dalam aktiviti pelajar turut dinilai dalam **prestasi MyATP dan diberikan anugerah dan kenaikan pangkat**. Sebagai sebuah kampus berdayahuni, persekitaran selesa dan kelestarian landskap memastikan suasana kerja yang kondusif. Hubungan mesra yang terjalin melalui program-program kemasyarakatan mengeratkan lagi silaturahim sesama warga kampus. Taburan Indeks Kegembiraan UiTMCJ berada pada tahap memuaskan.

Penambahbaikan (Act) pengurusan sumber manusia telah menggerakkan transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang. **Bahagian Pentadbiran menguruskan latihan staf dan merancang Analisis Keperluan Latihan (TNA)** bagi memastikan latihan difokuskan mengikut situasi keperluan sebenar. **'Rector's Special Project'** membudayakan gerak kerja berimpak. Inovasi **Human Governance Index** memantapkan lagi pengurusan sumber manusia berasaskan **model i-DART**. Aktiviti kesukarelawanan direalisasikan dengan **penubuhan Southern Volunteers**. UiTMCJ merupakan universiti pertama yang melancarkan SV. Misi menyelamatkan Pasca Banjir merupakan antara projek SV UiTMCJ. Pengurusan Kanan UiTMCJ **membudayakan penghargaan kepada pencapaian staf**. Pengiktirafan ini dizahirkan bilamana

UIN MGS berjaya merangkul 11 anugerah pada majlis Apresiasi ICAN, dan menjuarai Juara Keseluruhan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bertunjangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025 *Globally Renowned University* dan gelombang “*Globally Marketable 2023*”, UiTM CJ memfokuskan BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar dengan **objektif strategik** “Melahirkan Mahasiswa Budiman Yang Gah Di Mata Dunia” selaras Amanat Menteri Pengajian Tinggi 2023 dalam fokus ke 9: **Kualiti & Kecemerlangan Akademik** & fokus ke 4: **Memperkokukuhkan Kekuatan Sumber Intelektual Malaysia dan Amanat Naib Canselor UiTM 2023 : Melonjakkan Kebolehpasaran Pelajar di Peringkat Dunia. (Bukti 5.2.1)**

Sumber manusia merupakan elemen utama yang menjadi tuggak kepada kejayaan sesuatu inisiatif strategik yang dirancang. UiTM CJ **melibatkan diri secara menyeluruh** dalam tiga sasaran keberhasilan pelajar. UiTM CJ sentiasa memastikan pengurusan ditadbir urus secara efektif dan memberi tumpuan kepada pencapaian **#Johor4Excellence=k4E4**. Selaras dengan agenda utama untuk menjadi ‘**Globally Renowned University**’ (GRU) menjelang tahun 2025, perancangan (**Plan**) ditetapkan oleh Pengurusan Kanan UiTM CJ, bagi mencapai sebanyak **80 Petunjuk Prestasi (PI)**, dan **16 inisiatif strategik ‘Rector’s Special Projects’ (RSP)**.

UiTM CJ **menyusun struktur kampus** yang melibatkan Bahagian Pentadbiran selaku teraju utama pengurusan sumber manusia. Kaedah PDCA (Plan-Do-Check-Act) memastikan kesan berstruktur dan berfokus dalam pengurusan sumber manusia. Berdasarkan dokumen prosedur kualiti untuk pengurusan pengambilan dan pelantikan staf pejabat Pendaftar (PQ.O/UiTM/BPD.02), proses pengambilan staf diproses melalui **penerimaan Surat Kelulusan Perjawatan (SKP)**, iklan, temuduga, dan surat tawaran jawatan. Kriteria berdasarkan **kualiti, kepakaran, dan kelayakan menjadi pendorong utama dalam pemilihan staf**. Manakala, untuk kelayakan lantikan staf akademik pula, keutamaan diberikan kepada calon yang menjadi **ahli badan profesional, mempunyai kelayakan profesional, dan memiliki pengalaman industri (Bukti 5.2.2)**. Pemilihan staf yang berdaya saing ini dapat menepati nilai **Pemerkasaan (Empowerment)** pelajar yang menjadi keutamaan Pengurusan Kanan UiTM CJ.

UiTM CJ mengutamakan perancangan yang sistematik dalam menjalankan latihan kepada sumber manusia. **Latihan untuk staf yang baru dilantik melalui kursus pengukuhan staf baharu** dijalankan bagi mereka memperoleh kemahiran, meningkatkan produktiviti, dan cemerlang (**Bukti 5.2.3**). UiTM CJ juga turut membuat inisiatif dengan menghasilkan **Kit Staf UiTM CJ sebagai rujukan utama** berkaitan syarat-syarat perkhidmatan, hal ehwal pengurusan sumber manusia, serta perancangan pembangunan staf dan kerjaya.

Bahagian Pentadbiran UiTM CJ, melalui **sistem eLatihan merangka dan menyelia latihan** kepada staf. Penguatkuasaan kepakaran staf ditekankan di mana semua staf perlu menjalani sebanyak **42 jam latihan setahun**. Di samping perancangan latihan, Analisa Keperluan Latihan ‘**Training Need Analysis**’ (TNA) ditekankan bagi memastikan staf lebih efisien, inovatif, dan proaktif. TNA memberi peluang kepada staf untuk meningkatkan kemahiran dan pengembangan kerjaya (**Bukti 5.2.4**). Penglibatan staf turut diambil kira dalam penilaian prestasi tahunan.

Bagi menghargai dan mengiktiraf kejayaan staf dalam mengharumkan nama UiTM CJ, **Majlis Hari Inovasi dan Kualiti UiTM CJ** telah dianjurkan pada 21 Disember 2023 di Hotel Mudzaffar, Melaka (**Bukti 5.2.5**). Anugerah diberikan kepada individu, kumpulan dan projek cemerlang yang memberi impak tinggi kepada pencapaian PI UiTM CJ. Selain majlis rasmi, **kejayaan staf dikongsi kepada seluruh warga UiTM CJ melalui emel, mesyuarat, Amanat Rektor, Program Saunah’s Sharing Session, laman sosial UiTM CJ serta media percetakan elektronik (majalah e-Adicita, i-Prestige, Paradigma, dan e-Dinamik)**.

Pada tahun 2023, terdapat seramai 73 orang staf akademik menjadi **ahli badan profesional**, 40 orang staf akademik yang **mempunyai kelayakan profesional**, 83 staf akademik memiliki **kepakaran keusahawanan** dan 30 orang staf akademik dengan **pengalaman industri**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_S01_SB02_20241_UiTM CJ_5.2.1_Kerangka Bidang Tumpuan UiTM CJ 2023.pdf](#)
2. [K0059_S01_SB02_20242_UiTM CJ_5.2.2 Proses Pengambilan Staf UiTM CJ.pdf](#)
3. [K0059_S01_SB02_20243_UiTM CJ_5.2.3 Kursus Pengukuhan Staf Baharu.pdf](#)
4. [K0059_S01_SB02_20244_UiTM CJ_5.2.4 Perancangan Latihan Staf & TNA.pdf](#)
5. [K0059_S01_SB02_20245_UiTM CJ_5.2.5 Hari Inovasi & Kualiti UiTM CJ.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Didukung oleh kekuatan staf seramai seramai 524 orang dari kampus Segamat, dan 363 orang dari kampus Pasir Gudang, UiTMCJ menggembeng pengetahuan dan kemahiran kakitangannya untuk menggalas **#Johor4Excellence=K4E4**. Kerjasama mantap antara staf pentadbiran, staf akademik dan mahasiswa mewujudkan budaya kerja yang cemerlang dan berkualiti. Sebagai nadi pengurusan pelajar, peranan HEP sangat penting dalam melaksanakan aktiviti pembangunan pelajar. Disokong oleh **Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Majlis Syura Akademik, Majlis Syura Bersepadu, Majlis Syura Sukan, Majlis Syura Kolej dan KOR, Majlis Syura Keusahawanan, Majlis Syura Kerohanian dan Majlis Syura Kebudayaan**, BHEP UiTMCJ dengan bantuan BPJI bermatlamat untuk mengurus aktiviti, mentadbir dan menjaga kebajikan pelajar, serta **melahirkan model graduan UiTM berpersonaliti unggul** yang dapat memenuhi keperluan kerjaya di masa akan datang. Hasilnya, pelajar berkeusahawanan yang berupaya bertindak sebagai penjana pekerjaan dan **bersifat 'globally marketable'** dilatih, melalui **Program Bizbox, Bazar SISWA, dan program kolaborasi bersama industri** dalam bentuk latihan, bimbingan dan inkubator keusahawanan.

Staf yang berpotensi dilantik untuk membimbing pelajar dalam menguruskan program berkaitan pengurusan dan pembangunan pelajar. Penglibatan staf dimeterai dengan pelantikan rasmi sebagai **penasihat persatuan, ketua projek, penyelaras, penganjur, panel, fasilitator, penceramah, mentor, jurulatih, juri, ahli jawatankuasa, penasihat akademik, staf residen dan pensyarah pengiring (Bukti 5.3.1)**. Pemilihan staf dalam projek bidang tumpuan dimeterai berdasarkan **merit-merit kelayakan akademik, gred jawatan, pensijilan profesional, kepakaran keusahawanan, dan pengalaman industri serta kemahiran (Bukti 5.3.2)**. Pemilihan staf yang berwibawa ini menjadi asas kepada hubungan kukuh antara pelajar dan UiTMCJ, yang mana hubungan kukuh ini menepati nilai **Kepercayaan (Entrusted)**. Bagi memastikan UiTMCJ kekal berdaya saing, kemahiran staf dipertingkatkan, di mana staf ditawarkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi serta **menyertai latihan industri dan program-program 'upskilling'**. Pengoptimaan kepakaran staf juga ditekankan di mana semua staf perlu menjalani sebanyak **42 jam latihan setahun**, merangkumi latihan kompetensi umum, khusus dan ICT.

Pelajar-pelajar membentuk jawatankuasa persatuan untuk menggerakkan program. Manakala staf pula **membimbing pelajar dan memberi taklimat tentang tatacara menjalankan program, permohonan kelulusan, penggunaan ruang, kemudahan peralatan dan bantuan kewangan**. Bagi mencapai halatuju strategik, **sesi mesyuarat dan 'brainstorming'** melibatkan bahagian HEP, MPP dan persatuan pelajar diadakan bagi meneliti idea dan potensi serta merancang perjalanan sesebuah program. Seterusnya, **penyediaan kertas-kertas kerja** dimajukan untuk mendapat kelulusan dari pihak pengurusan, Hasil pengoptimaan kerjasama antara staf dan pelajar dimanifestasi melalui penganjuran program-program pembelajaran, lawatan, kepimpinan, keusahawanan, dan sukan. Di samping itu, kerjasama dengan universiti dan industri dalam bentuk **MoU/MoA, perkongsian kesepakatan, dan pemindahan teknologi turut dijalankan (Bukti 5.3.3)**. **Jemputan kolaborasi** membuktikan pengiktirafan kepakaran staf UiTMCJ oleh pihak dalam dan luar kampus, sama ada di **peringkat kampus, universiti, kebangsaan dan antarabangsa**, bertepatan dengan visi *'Globally Renowned, Locally Rooted'* **(Bukti 5.3.4)**.

Pengurusan Kanan UiTMCJ turut menyediakan **bantuan dari segi kemudahan infrastruktur UiTMCJ**, seperti kelas, dewan kuliah, padang, makmal dan masjid untuk staf dan pelajar. Di samping itu, **sokongan kewangan** untuk menjalankan program pengurusan dan pembangunan pelajar turut disediakan melalui Tabung Amanah Pelajar (TAP), Tabung Amanah Akademik (TAA), Tabung Amanah Negeri, geran serta dana-dana UiTM dan luaran. Sokongan kemudahan ini menghasilkan penjana pendapatan untuk UiTMCJ. Program ACE, misalnya, menghasilkan jualan bersih sebanyak RM52,576 **(Bukti 5.3.5)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_S01_SB03_20241_UiTMCJ_5.3.1 Pencapaian 100% oleh Sumber Manusia.pdf](#)
2. [K0059_S01_SB03_20242_UiTMCJ_5.3.2 Staf dengan Pengalaman Industri, Keanggotaan Staf dalam Badan NGO & Staf dengan Kelayakan Professional.pdf](#)
3. [K0059_S01_SB03_20243_UiTMCJ_5.3.3 MOU & MOA UiTMCJ.pdf](#)
4. [K0059_S01_SB03_20244_UiTMCJ_5.3.4 Pengiktirafan Kepakaran Staf UiTMCJ oleh pihak Luar.pdf](#)
5. [K0059_S01_SB03_20245_UiTMCJ_5.3.5 Penjanaaan Pendapatan dari Program ACE, MASMED.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCJ sentiasa prihatin akan tahap kepuasan hati dan aduan daripada warganya terutama melibatkan **kebajikan staf dan pelajar**. Tindakan sewajarnya diambil dan diberi perhatian sepenuhnya untuk memastikan tahap kepuasan hati berada di tahap yang cemerlang. **Medium mesyuarat menjadi bentuk komunikasi formal** yang dilakukan di semua peringkat. Medium mesyuarat menjadi platform untuk membuat sesuatu keputusan, mengenalpasti kemajuan projek, memantau, serta mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi. Pencapaian projek dipantau (**Check**) secara berkala agar objektif dapat dicapai mengikut perancangan masa dan kewangan yang ditetapkan. USTU diberi amanah menyasar halatuju strategik dan **memantau pencapaian PI dan dilaporkan dalam mesyuarat MKB (Bukti 5.4.1.1)**. Manakala bagi **pencapaian 16 RSP pulak dibincangkan dalam mesyuarat JKEN dan RSP (Bukti 5.4.1.2)**. Pemantauan pencapaian ini menepati pengukuran item ukuran sumber manusia merangkumi penglibatan staf dalam bidang profesional, penglibatan keusahawanan dan staf berpengalaman industri.

Sebarang ketidakpuasan hati dan maklumbalas warga kampus didengari agar segala masalah dapat ditangani dengan berkesan. Di samping platform mesyuarat, **borang maklumbalas pelanggan secara bertulis dan medium elektronik seperti e-aduan dan e-maklum**, turut digunakan (**Bukti 5.4.1.3**). **Platform e-Aduan Rektor** membolehkan aduan dikemukakan, dijejaki dan diselesaikan dengan cepat bagi memastikan pengurusan aduan yang cekap. Maklumbalas untuk program anjuran UiTMCJ dikumpul selepas tamat program. Analisa aduan dilaporkan di dalam mesyuarat **MKSP** bagi penambahbaikan.

Pemantauan turut dilaksanakan oleh **Unit Pengurusan Kualiti** yang menguruskan proses kualiti melalui Audit Kualiti dan Amalan Pengurusan Terbaik, berpandukan kepada dasar dan objektif kualiti yang ditetapkan. **Pasukan Audit Dalam** menilai kepatuhan setiap bahagian dan fakulti mengikut standard yang ditetapkan. Penemuan hasil, dari pemantauan berkala oleh juruaudit, serta rekomendasi audit dilaporkan dalam mesyuarat **MKSP** serta mesyuarat-mesyuarat berkaitan (**Bukti 5.4.1.4**).

Hasil tindakan serta penambahbaikan terhadap maklumbalas sumber manusia diselesaikan pada kadar segera. Sokongan dari pihak pengurusan ini melahirkan kepuasan warga kampus serta keselesaan bekerja. Hasilnya, berdasarkan **Taburan Indeks Kegembiraan tahun 2023, 73% staf UiTMCJ menunjukkan rasa puas hati bekerja di kampus UiTMCJ (Bukti 5.4.1.5)**. **Pembiayaan kewangan** serta bantuan lain yang diluluskan menimbulkan rasa kepuashatian kepada staf yang dapat menjayakan projek dengan komitmen pengurusan ini. Ini bertepatan dengan nilai **Empati (Empathy)** yang mana staf dapat mendidik pelajar menjadi individu yang peka dan prihatin terhadap persekitaran dan masyarakat.

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_S01_SB04_SC01_20241_UiTMCJ_5.4.1.1 Minit Mesyuarat MKB.pdf](#)
2. [K0059_S01_SB04_SC01_20242_UiTMCJ_5.4.1.2 Minit Mesyuarat RSP.pdf](#)
3. [K0059_S01_SB04_SC01_20243_UiTMCJ_5.4.1.3 Platform e-Aduan rektor.pdf](#)
4. [K0059_S01_SB04_SC01_20244_UiTMCJ_5.4.1.4 Laporan Audit Dalam.pdf](#)
5. [K0059_S01_SB04_SC01_20245_UiTMCJ_5.4.1.5 Laporan Happiness Index.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko merujuk kepada terjadinya peristiwa yang memiliki impak negatif terhadap pencapaian objektif. Kesan risiko perlu diurus dengan baik agar matlamat program dapat dicapai (**Bukti 5.4.2.1**). Terdapat pelbagai risiko yang dikenalpasti seperti berikut:

- **Risiko kekurangan pensyarah tetap dan PTFT** untuk menjalankan program bidang BCE. Ini memberi impak pembayaran gaji yang tinggi untuk membayar kerja lebih masa dan bayaran kepada PTFT.
- **Kekurangan dana untuk menjalankan program pembangunan pelajar**
- **Kurang penglibatan pensyarah dalam program berkaitan aktiviti pelajar.** Kesukaran untuk mendapatkan penglibatan pensyarah bagi program keusahawanan yang dianjurkan oleh MASMED kerana kebanyakan pensyarah mempunyai amanah tugas syarahan yang banyak.

Untuk mengatasi risiko dan menghindari impak negatif, adalah penting untuk melakukan pengurusan risiko yang efektif. **Strategi intervensi risiko melibatkan pengoperasian pengurusan risiko oleh Jawatankuasa Pemilik Risiko UiTMCJ** telah dilakukan. Ini termasuk kenal pasti risiko, daftar risiko di e-RMS, tindakan mitigasi risiko dan pemantauan. Langkah intervensi risiko melibatkan:

- Bagi mengatasi risiko staf kurang terlibat dgn aktiviti-aktiviti **BCE**, Bahagian Pengurusan Latihan akan **mengeluarkan surat peringatan** untuk staf bagi melengkapkan latihan sebanyak 42 jam (**Bukti 5.4.2.2**).
- Menjalankan program merupakan tanggungjawab bersama dan bukan dipikul oleh staf secara berseorangan. **Pembahagian tugas diperincikan dengan jelas** agar setiap AJK mengetahui bidang tugas yang perlu mereka siapkan (**Bukti 5.4.2.3**).
- Penganjur perlu **membuat hebahan awal melalui jemputan dan media rasmi UiTMCJ**. Penganjur dan staf juga boleh berbincang bagi menyediakan jadual mengikut kesesuaian masa semua pihak.
- **Staf perlu membuat persiapan dengan menjalani latihan** dan menimba pengalaman agar lebih bermotivasi, berkemahiran dan meningkatkan pengembangan kerjaya (**Bukti 5.4.2.4**).
- Pihak HEP perlu bertindak untuk **menilai sebelum melantik staf sebagai penasihat** agar pemilihan penasihat yang tepat dapat direalisasikan.
- **Penglibatan dalam aktiviti pelajar juga dimasukkan dalam pengiraan prestasi MyATP dan peluang kenaikan pangkat.** Surat lantikan, penghargaan dan anugerah dikeluarkan kepada staf yang menunjukkan komitmen jitu kepada bidang tumpuan. Kolaborasi bersama pihak industri dapat menaikkan profil pensyarah (**Bukti 5.4.2.5**).

Pengurusan risiko yang efektif dapat memastikan staf melaksanakan amanah dengan cemerlang terutamanya aktiviti melibatkan pelajar iaitu program-program pembelajaran, lawatan, kepimpinan, keusahawanan, dan sukan. Staf dapat berkongsi ilmu pengetahuan yang meluas kepada pelajar. Ini menepati nilai **Pengayaan (Enrichment)** di mana pelajar diberi peluang memperkayakan pengalaman di luar bilik kuliah.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_S01_SB04_SC02_20241_UiTMCJ_5.4.2.1_Risiko & Impak Risiko.pdf](#)

2. [K0059_S01_SB04_SC02_20242_UiTMCJ_5.4.2.2 Peringatan Tidak Cukup Jam Latihan.pdf](#)
3. [K0059_S01_SB04_SC02_20243_UiTMCJ_5.4.2.3 Jawatankuasa DMJ.pdf](#)
4. [K0059_S01_SB04_SC02_20244_UiTMCJ_5.4.2.4 Latihan Cosmetology Untuk AJK Spa.pdf](#)
5. [K0059_S01_SB04_SC02_20245_UiTMCJ_5.4.2.5 Kolaborasi UiTMCJ dan Parlimen Tampin.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam menguruskan risiko terhadap sumber manusia, beberapa tindakan diambil untuk memastikan risiko-risiko tersebut dapat dikawal dengan baik. Antara inisiatif ini termasuk memastikan **keperluan nisbah pensyarah dan pelajar mencukupi** untuk setiap program, serta melaksanakan **pembelajaran dan pengajaran berbentuk ‘mass-lecture’ dan ‘collaborative teaching’** bagi menampung kekangan kekurangan pensyarah dan ruang (**Bukti 5.4.3.1**).

Bagi mengatasi **risiko staf kurang terlibat dgn aktiviti-aktiviti “BeyondEd”, “FutureTalent” dan “Sociopreneur”**, staf tidak berkemahiran serta staf tidak cukup jam latihan, surat **peringatan untuk staf dikeluarkan** untuk melengkapkan latihan sebanyak 42 jam (**Bukti 5.4.3.2**). Strategi **memperkasakan keusahawanan antara staf, pelajar dan komuniti** OKU dari Pusat Kebajikan Dalam Komuniti, serta melahirkan manusia budiman, membawa perubahan positif dengan **inovasi projek Spa Cosmos**. Kecemerlangan operasi Pusat Inkubator Spa mampu menjimatkan kos berbanding salon komersil. Konsep inovasi ‘mobile spa’ menjimatkan masa pelanggan yang tidak perlu meninggalkan rumah untuk mendapatkan rawatan (**Bukti 5.4.3.3**). Pusat Inkubator Spa turut mengharumkan nama UiTM CJ dengan memenangi banyak anugerah keusahawanan.

Bagi menghadapi **risiko beban kerja staf yang melampau**, sistem e-pengambilan meminimalkan risiko kekurangan pensyarah dan melancarkan pengurusan pengambilan staf. Di samping itu, pelaksanaan **agenda pemerksaan mahasiswa yang menyerahkan mandat kuasa untuk menyemak aktiviti persatuan pelajar kepada MPP, MPP-incharge pilihanraya, membantu dalam mengurangkan beban kerja staf pentadbiran**. Pemilihan JPP juga dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar, manakala HEP hanya menjadi pemantau. (**Bukti 5.4.3.4**). Staf turut **diberi gantian cuti rehat dan cuti tanpa rekod** setelah melakukan aktiviti-aktiviti universiti seperti penglibatan dalam Ekspo Selangkah ke UiTM, karnival sukan Karista dan juga program-program lain.

Sebagai sebuah kampus berdayahuni (**‘liveable campus’**), **persekitaran selesa disediakan untuk warga kampus seperti kelestarian landskap** dengan penanaman pokok-pokok di Incredible Garden dan di laman Durian Segar Amat, dan penyediaan gazebo untuk melepaskan penat selepas bekerja. Dalam memastikan suasana kerja yang kondusif, kemesraan yang terjalin dari program-program kemasyarakatan mengeratkan silaturahim dan menyemarakkan hubungan harmoni sesama warga kampus. Ini termasuk **penganjuran majlis sambutan Hari Raya, korban Aidil Adha, Infaq Ramadan, program sukan, program keagamaan, serta misi bantuan banjir** (**Bukti 5.4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_S01_SB04_SC03_20241_UiTM CJ_5.4.3.1 Tindakan Menghadapi Risiko Sumber Manusia.pdf](#)
2. [K0059_S01_SB04_SC03_20242_UiTM CJ_5.4.3.2 Jam Latihan Staf 2023.pdf](#)
3. [K0059_S01_SB04_SC03_20243_UiTM CJ_5.4.3.3 Inovasi Pusat Inkubator Spa.pdf](#)
4. [K0059_S01_SB04_SC03_20244_UiTM CJ_5.4.3.4 Agenda Pemerksaan Mahasiswa.pdf](#)
5. [K0059_S01_SB04_SC03_20245_UiTM CJ_5.4.3.5 Program Kemasyarakatan UiTM CJ.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan sesebuah organisasi untuk membina kapasiti sumber melibatkan **integrasi sumber manusia dari kalangan staf akademik dan pentadbiran serta pelajar**. UiTM CJ mempraktikkan pendekatan pengurusan sumber manusia yang dinamik untuk menggerakkan **transformasi ke arah pengiktirafan global** dan memacu ke arah perkhidmatan yang lebih cemerlang. Bahagian Pentadbiran bertanggungjawab dalam pengurusan latihan staf termasuk mengenalpasti dan merancang keperluan latihan. UiTM CJ mengambil langkah proaktif dengan **menjalankan Analisis Keperluan Latihan (TNA)** bagi mengenalpasti keperluan latihan staf (**Bukti 5.5.1**). Ini memastikan latihan difokuskan mengikut situasi keperluan sebenar, serta meningkatkan kompetensi staf dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan, terutamanya bagi mencapai sasaran formula kecemerlangan #Johor4Excellence=k⁴E. Impak TNA direalisasi dengan **peningkatan bilangan staf yang mencapai jumlah latihan sebanyak 42 jam (Bukti 5.5.2)**. Pencapaian jam latihan staf akademik bagi tahun 2022 telah mencapai jam latihan melebihi 42 jam sebanyak 88%, manakala bagi tahun 2023 pula ianya telah mencapai 94%.

'**Rector's Special Projects' (RSP)** menjadi pemandu dalam membentuk tindakan penambahbaikan dengan membina polisi dan mewujudkan **persekitaran inklusif, serta membudayakan gerak kerja berimpak dan berinovasi**. 16 inisiatif RSP mewujudkan budaya korporat yang sihat. **Lantikan ketua-ketua projek memastikan sasaran dapat mencapai objektif** pada masa yang ditetapkan. RSP menghasilkan inovasi sumber manusia iaitu aplikasi **Human Governance Index**, di mana ianya memantapkan pengurusan sumber manusia dengan berasaskan model i-DART UiTM, serta menyemai konsep ADAB (**Bukti 5.5.3**). Rektor UiTM CJ turut membudayakan **perkongsian maklumat secara terbuka melalui Program Saunah's Sharing Session (3S)**. Ianya merupakan medium penyampaian aspirasi Rektor secara lisan kepada warga kampus. Budaya pelaporan, transparensi dan integriti turut disebarkan melalui **penerbitan majalah-majalah media percetakan elektronik UiTM CJ, iaitu majalah e-Adicita, i-Prestige, Paradigma, dan e-Dinamik**. Majalah e-Adicita misalnya mengumpul laporan aktiviti bagi setiap fakulti, bahagian dan unit UiTM CJ.

Aktiviti kesukarelawanan "**Sociopreneur**" melalui teras 'Empathy' direalisasi dengan **penubuhan Southern Volunteers (SV)**. UiTM CJ merupakan **universiti pertama yang melancarkan SV di peringkat universiti** sebagai satu inisiatif menggalakkan mahasiswa untuk melibatkan diri dalam projek-projek khidmat masyarakat. **Majlis Pelancaran Southern Volunteers telah disempurnakan oleh YB Dato' On bin Jabbar@Ja'afar pada 9 Disember 2023 di Padang Kawad UiTM CJ**. Seramai 2,000 pelajar UiTM CJ telah mendaftar sebagai sukarelawan SV. Misi menyelamatkan Pasca Banjir merupakan antara projek yang diadakan oleh SV UiTM CJ. Mereka telah membantu membersihkan rumah-rumah dan premis-premis awam yang terjejas oleh banjir (**Bukti 5.5.4**).

Pengurusan prestasi, pengiktirafan dan ganjaran dalam pengurusan sumber manusia dilaksanakan untuk memotivasikan warga kampus. Pengiktirafan dan insentif meningkatkan kepuasan hati staf untuk menyempurnakan tugas. Pengurusan Kanan UiTM CJ membudayakan tahniah dan penghargaan ke atas pencapaian staf. **Pemberitahuan kejayaan-kejayaan staf ini diwar-warkan melalui ucapan dalam mesyuarat, media cetak, serta media sosial UiTM CJ**. Antara penghargaan yang diberikan termasuk ucapan tahniah atas pencapaian staf dan pelajar dalam bidang Pembelajaran, Kepimpinan dan Bakat, dan Sukarelawan dan Keusahawanan. Hasil sinergi kepakaran dan kerjasama ini, **UiTM CJ berjaya merangkul 11 anugerah pada Majlis Apresiasi ICAN (Anugerah ICAN) yang berlangsung sempena MeTIC 13/2024**. Lebvceih membanggakan lagi, **UiTM CJ berjaya mendapat Anugerah Khas TNC ICAN sebagai Johan Keseluruhan (Bukti 5.5.5)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_S01_SB05_20241_UiTM CJ_5.5.1 Training Needs Analysis.pdf](#)

2. [K0059_S01_SB05_20242_UiTMCJ_5.5.2 Peningkatan Jam Latihan Stat.pdf](#)
3. [K0059_S01_SB05_20243_UiTMCJ_5.5.3 Rector's Special Project \(RSP\).pdf](#)
4. [K0059_S01_SB05_20244_UiTMCJ_5.5.4 Southern Volunteers UiTMCJ.pdf](#)
5. [K0059_S01_SB05_20245_UiTMCJ_5.5.5 Anugerah ICAN.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Di peringkat **Perancangan (Plan)**, UiTMCJ sentiasa memastikan **proses-proses utama** berjalan lancar dalam menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik BT melalui **kerangka BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar UiTMCJ 2023** dengan objektif “**Melahirkan Mahasiswa Budiman yang Gah di Mata Dunia**”. Perancangan operasi yang telah diambil ini sejajar dengan Pelan Tindakan Strategik 2023 BHEA, BHEP, BPJI dan MASMED UiTMCJ. Penglibatan semua bahagian dan unit di UiTMCJ untuk menjayakan agenda BT secara tuntasnya membuktikan warga UiTMCJ cakna kepentingan BT dalam menyerlahkan ketampakan UiTMCJ di persada antarabangsa. Bagi memanifestasikan inisiatif **BeyondEd, FutureTalents** dan **Sociopreneur**, **proses-proses utama yang telah dilaksanakan** oleh UiTMCJ ialah proses **pemeteraian kerjasama dua hala** dan **kolaborasi perkongsian pintar** dengan kerajaan tempatan, kerajaan negeri, universiti serantau dan antarabangsa, badan bukan kerajaan (*NGO*), industri serta alumni, proses **permohonan penganjuran** program dan proses **permohonan penyertaan** pelajar ke pertandingan akademik, kesukanan, kepimpinan, keusahawanan dan kesukarelawanan. Melalui proses ini, pemimpin pelajar diberi pendedahan **menerajui penganjuran program universiti berskala besar** di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan bimbingan staf bertanggungjawab sebagai fasilitator.

Di peringkat **Pelaksanaan (Do)**, model kitaran **Plan, Do, Check, Action (PDCA)** bertindak sebagai kompas UiTMCJ untuk mengemudi secara efektif perjalanan penambahbaikan berterusan **proses-proses utama BT** di UiTM Cawangan Johor. Aktiviti yang dilaksanakan **melalui proses yang bermula dari semakan kertas kerja sehingga ke penghantaran laporan akhir**. Perkara ini penting dalam memastikan impak positif program dapat dimaksimakan selain meminimalkan risiko dalam pelaksanaan projek seterusnya.

Bagi peringkat ketiga iaitu **Pemantauan (Check)**, **pemantauan sebelum, semasa dan selepas sesuatu projek yang dijalankan** dilihat sebagai proses penting dalam memastikan ketelusan dan keberkesanannya. Peringkat ini melibatkan mesyuarat dan perbincangan bersama Pengurusan Kanan UiTMCJ dan unit-unit terlibat. Selain itu, penghantaran laporan berkala bagi pemantauan semasa dan laporan akhir bagi pemantauan akhir juga dilihat berupaya bagi mencapai objektif strategik.

Peringkat keempat, **Penambahbaikan (Act)** melibatkan tindakan yang diambil setelah semua maklumat dari tiga peringkat terawal diteliti. Jika projek masih berjalan, **Act** akan meningkatkan keberkesanan projek. Jika pelaksanaan projek telah selesai, **penambahbaikan diambil maklum untuk meningkatkan keberkesanan projek susulan**. Ini melibatkan pengukuran keberkesanan dan analisa yang telah dibuat. Peringkat ini juga dapat membantu mengatasi risiko yang timbul dalam sesuatu projek demi mengelakkan atau sekurang-kurangnya meminimalkan permasalahan bagi pelaksanaan projek baharu pada masa akan datang. Oleh yang demikian, projek seterusnya akan memulakan kitaran **PDCA** yang baharu.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCJ sentiasa memastikan **proses-proses utama** berjalan lancar dalam menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik BT melalui **kerangka BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar UiTMCJ 2023** dengan objektif “**Melahirkan Mahasiswa Budiman yang Gah di Mata Dunia**” berfokuskan keberhasilan pelajar seperti berikut (**Bukti 6.2.1**):

1. *Beyond Education Toward Success (BeyondEd)* dirangka untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing dan berminda juara melalui pengayaan ilmu dan pengalaman melangkaui pembelajaran konvensional sehingga ke peringkat antarabangsa.
2. *Creating Future Talents (FutureTalents)* dirangka untuk menggilap bakat pelajar dalam apa jua bidang serta melahirkan pemimpin pelajar yang holistik.
3. *Empowering Entrepreneurship & Reaching Society (Sociopreneur)* dirangka untuk melahirkan usahawan muda yang cekal dan mandiri serta membentuk jati diri mahasiswa dengan semangat kesukarelawanan dan empati yang tinggi.

Perancangan operasi yang telah diambil ini sejajar dengan Pelan Tindakan Strategik 2023 (*Strategic Action Plan*) BHEA, BHEP, BPJI dan MASMED UiTMCJ (**Bukti 6.2.2**). Penglibatan semua bahagian dan unit di UiTMCJ untuk menjayakan agenda BT secara tuntasnya membuktikan warga UiTMCJ cakna kepentingan BT dalam menyerlahkan ketampakan UiTMCJ di persada antarabangsa.

Bagi memmanifestasikan inisiatif *BeyondEd*, *FutureTalents* dan *Sociopreneur*, **proses-proses utama berikut telah dilaksanakan** oleh UiTMCJ iaitu:

Proses 1

Proses **pemeteraian kerjasama dua hala** dan **kolaborasi perkongsian pintar** dengan kerajaan tempatan, kerajaan negeri, universiti serantau dan antarabangsa, badan bukan kerajaan (NGO), industri serta alumni. Kerjasama dan kolaborasi yang dilaksanakan akan menjadi platform kepada pelajar UiTMCJ dalam pengayaan ilmu dan pengalaman melangkaui pembelajaran konvensional (*Enrichment*) (**Bukti 6.2.3**)

Proses 2

Proses **permohonan penganjuran** program, bengkel, latihan dan aktiviti bagi mengasah bakat pelajar dalam apa jua bidang (*Entrusted*) seterusnya meningkatkan kemahiran kepimpinan, keusahawanan dan kesukarelawanan (*Empowerment*). Melalui proses ini, pemimpin pelajar juga akan diberi pendedahan **menerajui penganjuran program universiti berskala besar** di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan bimbingan staf bertanggungjawab sebagai fasilitator (**Bukti 6.2.4**).

Proses 3

Proses **permohonan penyertaan** pelajar ke pertandingan akademik, inovasi, kesukanan, kepimpinan, keusahawanan dan kesukarelawanan luar daripada persekitaran kampus semata-mata dan disuburkan dengan nilai Empati (*Empathy*) sehingga ke peringkat antarabangsa (**Bukti 6.2.5a**).

Semua proses pengurusan aktiviti pelajar di UiTMCJ adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan di dalam **Manual Pengurusan Aktiviti Pelajar UiTM** (**Bukti 6.2.5b**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_O01_OB02_20241_UiTMCJ_6.2.1_Kerangka Bidang Tumpuan UiTMCJ 2023.pdf](#)
2. [K0059_O01_OB02_20242_UiTMCJ_6.2.2_Pensejajaran operasi vs Pelan Tindakan Strategik UiTMCJ.pdf](#)

3. [K0059_O01_OB02_20245_UiTM CJ_6.2.5_Pro ses 1.pdf](#)
4. [K0059_O01_OB02_20244_UiTM CJ_6.2.4_Pro ses 2.pdf](#)
5. [K0059_O01_OB02_20245_UiTM CJ_6.2.5_Pro ses 3.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Model kitaran **Plan, Do, Check, Action (PDCA)** adalah kompas UiTMCJ untuk mengemudi secara efektif perjalanan penambahbaikan berterusan **proses-proses utama BT** UiTMCJ.

Proses 1 (Model PDCA) (Bukti 6.3.1)

Proses **pemeteraian kerjasama dua hala dan kolaborasi perkongsian pintar**

Di peringkat **Perancangan (Plan)**, bilangan pemeteraian perjanjian persefahaman MoU/MoA adalah berdasarkan ketetapan PI dan memenuhi definisi operasi (OD) BTU. Bahagian, unit atau fakulti di UiTMCJ yang berhasrat memeterai MoU/MoA perlulah mendapat kelulusan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Koordinator ICAN membuat hebahan emel berkala bagi mendapatkan cadangan MoU/MoA antara UiTMCJ dengan pihak industri, syarikat, agensi, organisasi, komuniti dan NGO.

Di peringkat **Pelaksanaan (Do)**, MoU/MoA disusuli pelaksanaan aktiviti bersama rakan kerjasama. UiTMCJ **memanfaatkan peringkat pelaksanaan** ini sebagai **asas menyediakan platform, ruang dan peluang kepada pelajar** mencapai sasaran keberhasilan inisiatif **BeyondEd, FutureTalents dan Sociopreneur**.

Di peringkat **Pemantauan (Check)**, BPJIA UiTMCJ memantau keaktifan MoU/MoA dan memberikan peringatan sekiranya tiada aktiviti dilaksanakan. Pemakluman kepada warga UiTMCJ berkenaan MoU/MoA aktif dihebahkan melalui emel untuk memberi peluang kepada staf untuk melaksanakan aktiviti kerjasama bersama rakan MoU/MoA.

Di peringkat **Tindakan Penambahbaikan (Action)**, Laporan tahunan aktiviti kerjasama bersama rakan MoU/MoA disediakan bagi melihat status keaktifan dan pertimbangan penyambungan tempoh kerjasama. BPJI boleh mencadangkan tiada pembaharuan MoU/MoA sekiranya tiada aktiviti sepanjang tempoh sah MoU/MoA tersebut.

Proses 2 (Model PDCA) (Bukti 6.3.2)

Proses **permohonan penganjuran** program, bengkel, latihan dan aktiviti

Di peringkat **Perancangan (Plan)**, permohonan penganjuran program, bengkel, latihan dan aktiviti dibuat oleh pelajar atau inisiatif staf. Permohonan penganjuran aktiviti **antarabangsa** disertakan kertas kerja untuk kelulusan JKEN. Permohonan penganjuran program-program akademik menggunakan Tabung Amanah Pembangunan Akademik manakala program-program kelab/persatuan menggunakan Tabung Amanah Pelajar.

Di peringkat **Pelaksanaan (Do)**, pelajar atau staf melaksanakan aktiviti yang telah mendapat kelulusan. Aktiviti dilaksanakan menjadi **medan peningkatan pengetahuan, kemahiran dan bakat pelajar** mencapai sasaran keberhasilan inisiatif **BeyondEd, FutureTalents dan Sociopreneur**.

Di peringkat **Pemantauan (Check)**, pelaporan aktiviti disediakan beserta analisa maklumbalas keberkesanan program sebagai bukti aktiviti dilaksanakan.

Di peringkat **Tindakan Penambahbaikan (Action)**, mesyuarat *post-mortem* dilaksanakan bagi mengenalpasti tindakan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan, analisis faedah kos dan kebolehsinambungan aktiviti di masa hadapan.

Proses 3 (Model PDCA) (Bukti 6.3.3)

Proses **permohonan penyertaan** pelajar ke pertandingan luar

Di peringkat **Perancangan (Plan)**, permohonan penyertaan ke pertandingan luar perlu disertakan dengan kertas kerja dan mendapat kelulusan JKEN.

Di peringkat **Pelaksanaan (Do)**, pelajar menyertai pertandingan yang telah mendapat kelulusan. Di peringkat pelaksanaan ini, pertandingan disertai menjadi **medan peningkatan pengetahuan, kemahiran dan bakat pelajar** untuk mencapai sasaran keberhasilan inisiatif **BeyondEd, FutureTalents dan Sociopreneur**.

Di peringkat **Pemantauan (Check)**, pelaporan aktiviti disediakan sebagai bukti penglibatan pertandingan yang disertai.

Di peringkat **Tindakan Penambahbaikan (Action)**, mesyuarat post-mortem dilaksanakan bagi mengenalpasti tindakan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan, analisis faedah kos dan kebolehsinambungan penyertaan di masa hadapan.

Selain proses permohonan daripada pelajar, UiTMCJ bekerjasama dengan rakan strategik bagi penyertaan pelajar ke program atau pertandingan anjuran mereka. **Model PDCA** turut diaplikasikan untuk proses-proses lain yang terlibat. Sebagai contoh, UiTMCJ telah mendapat jemputan pertandingan **ASEAN Investment Challenge (AIC) 2023** daripada CGS CIMB Securities dan telah mengaplikasikan model PDCA sebagai mekanisma pemantauan (**Bukti 6.3.4**).

Pemantauan Rector Special Project (RSP) juga turut menggunakan pendekatan PDCA (**Bukti 6.3.5**)

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_O01_OB03_20241_UiTMCJ_6.3.1_Proses 1.pdf](#)
2. [K0059_O01_OB03_20242_UiTMCJ_6.3.2_Proses 2.pdf](#)
3. [K0059_O01_OB03_20243_UiTMCJ_6.3.3_Proses 3.pdf](#)
4. [K0059_O01_OB03_20244_UiTMCJ_6.3.4_AIC.pdf](#)
5. [K0059_O01_OB03_20245_UiTMCJ_6.3.5_PDCA RSP.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik BT adalah seperti berikut: **(Bukti 6.4.1.1)**

1. *Beyond Education Toward Success (BeyondEd)* dirangka untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing dan berminda juara melalui pengayaan ilmu dan pengalaman melangkaui pembelajaran konvensional sehingga ke peringkat antarabangsa.
2. *Creating Future Talents (FutureTalents)* dirangka untuk menggilap bakat pelajar dalam apa jua bidang serta melahirkan pemimpin pelajar yang holistik.
3. *Empowering Entrepreneurship & Reaching Society (Sociopreneur)* dirangka untuk melahirkan usahawan muda yang cekal dan mandiri serta membentuk jati diri mahasiswa dengan semangat kesukarelawanan dan empati yang tinggi.

Bagi memastikan kelestarian hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik BT, UiTMCJ memanfaatkan pelbagai mekanisma dan instrumen pemantauan antaranya melalui pelaporan program, kajiselidik keberkesanan program dan sesi mesyuarat.

Pelaporan program

Laporan akhir program akan disediakan setelah program selesai mengandungi maklumat berkaitan ringkasan perjalanan program, permasalahan dan cadangan penambahbaikan beserta gambar-gambar aktiviti. Laporan ini disimpan secara fizikal dan digital bagi tujuan rujukan di masa akan datang **(Bukti 6.4.1.2)**

Kajiselidik keberkesanan program

Maklumbalas atau kajiselidik keberkesanan program kebiasaannya akan diedarkan kepada peserta di akhir program dan hasil analisa maklumbalas atau kajiselidik ini akan disertakan bersekali dengan laporan program **(Bukti 6.4.1.3)**.

Sesi mesyuarat

Mesyuarat *postmortem* dilaksanakan apabila program telah selesai dilaksanakan bagi membincangkan secara terperinci permasalahan dan cadangan penambahbaikan **(Bukti 6.4.1.4)**. Mesyuarat kemajuan juga turut dilaksanakan bagi memantau status kemajuan projek atau program yang sedang dilaksanakan **(Bukti 6.4.1.5)**.

Kesimpulannya, UiTMCJ memanfaatkan pelbagai instrumen dan mekanisma pemantauan yang efektif dalam membekalkan data, melaksanakan penilaian, mengkaji semula pengurusan dan menambahbaik tadbir urus operasi UiTMCJ.

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_O01_OB04_OC01_20241_UiTMCJ_6.4.1.1_Kerangka Bidang Tumpuan UiTMCJ 2023.pdf](#)
2. [K0059_O01_OB04_OC01_20242_UiTMCJ_6.4.1.2_Pelaporan Program.pdf](#)
3. [K0059_O01_OB04_OC01_20243_UiTMCJ_6.4.1.3_Kajiselidik.pdf](#)
4. [K0059_O01_OB04_OC01_20244_UiTMCJ_6.4.1.4_Post Mortem.pdf](#)
5. [K0059_O01_OB04_OC01_20245_UiTMCJ_6.4.1.5_Mesyuarat Kemajuan Projek.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dilaksanakan dalam operasi dengan mengenalpasti risiko berkaitan BT semasa Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ (**Bukti 6.4.2.1**).

UiTMCJ mementingkan pengurusan risiko bagi proses-proses utama BT dalam membantu pencapaian objektif dan inisiatif strategik. Jawatankuasa Pengurusan Risiko UiTMCJ di bawah seliaan Bahagian Pentadbiran dilantik bagi memastikan segala risiko berkaitan operasi utama UiTMCJ dikawalselia. Jawatankuasa ini juga berperanan membudayakan warga UiTMCJ berkaitan pengurusan risiko yang berkesan dalam menghasilkan proses kerja yang mantap dan efisien (**Bukti 6.4.2.2**).

Berikut merupakan antara **risiko operasi BT yang telah dikenalpasti**:

Kesukaran mendapatkan rakan kerjasama bagi memeterai perjanjian persefahaman

Keadaan ekonomi pasca Covid19 yang tidak stabil dan pengurusan kewangan universiti yang kejut menyukarkan UiTMCJ mendapatkan rakan kerjasama bagi memeterai perjanjian persefahaman dan melaksanakan aktiviti kolaborasi perkongsian pintar (**Bukti 6.4.2.3**).

Tiada aktiviti dilaksanakan sepanjang tempoh aktif MoU/MoA

Keadaan ekonomi pasca Covid19 yang tidak stabil dan pengurusan kewangan universiti yang kejut menghadkan pelaksanaan aktiviti kerjasama dua hala dan kolaborasi perkongsian pintar secara fizikal bersama rakan strategik terutamanya rakan strategik antarabangsa. Risiko ini boleh membantutkan usaha UiTMCJ menyediakan platform untuk menengahkan pelajar ke persada antarabangsa (**Bukti 6.4.2.3**).

Risiko kewangan

Pengurusan kewangan universiti yang kejut menghadkan pelaksanaan program di dalam ataupun di luar kampus dan penyertaan pelajar ke pertandingan akademik, kesukanan, kepimpinan, keusahawanan dan kesukarelawanan. Penganjuran program pelajar secara **kerjasama dengan rakan strategik** dengan sumbangan dana kewangan dari mereka bagi menampung kos pelaksanaan program dapat mengatasi risiko kewangan ini dalam jangka masa pendek (**Bukti 6.4.2.4**).

Risiko proses permohonan aktiviti pelajar

Sistem permohonan aktiviti secara fizikal dengan penghantaran borang C menyukarkan proses permohonan aktiviti pelajar. Kaedah pemilihan projek dan analisis dibuat dalam mengenalpasti permasalahan ini. Pihak BHEP UiTMCJ membuat tinjauan bagi mendapatkan maklumbalas pelajar (**Bukti 6.4.2.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_O01_OB04_OC02_20241_UiTMCJ_6.4.2.1_Risiko BT.pdf](#)
2. [K0059_O01_OB04_OC02_20242_UiTMCJ_6.4.2.2_Risiko.pdf](#)
3. [K0059_O01_OB04_OC02_20243_UiTMCJ_6.4.2.3_Risiko MouMoA.pdf](#)
4. [K0059_O01_OB04_OC02_20244_UiTMCJ_6.4.2.4_Kerjasama Rakan Strategik.pdf](#)
5. [K0059_O01_OB04_OC02_20245_UiTMCJ_6.4.2.5_Kenalpasti Risiko Proses Permohonan Aktiviti Pelajar.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisaan tumpuan operasi berikut telah dilaksanakan untuk tindakan penambahbaikan:

Penetapan dan pelataan jumlah MoU/MoA yang perlu dicapai oleh PTJ semasa Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ 2023. **(Bukti 6.4.3.1)**

MoU di antara UiTMCJ dan **Yayasan Greeneration Indonesia** telah menjadi nilai tambah kepada warga UiTMCJ dengan perkongsian kepakaran (**pembangunan komuniti & inovasi sosial**) dan peluang-peluang lain yang ditawarkan oleh Yayasan Greeneration Indonesia. **Sociopreneur Hub Indonesia** di Tangerang Regency, Indonesia ini memberi pendedahan berkaitan proses transformasi sisa plastik kepada produk yang boleh dikomersialkan “**Roaster Block**”. **MoU** ini memberi impak yang positif kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar **(Bukti 6.4.3.2)**.

Mendepani isu kewangan yang kejut, Pengurusan Kanan UiTMCJ akan meneliti dan meluluskan program-program yang melibatkan pemindahan ilmu berimpak tinggi. **Geran Keusahawanan dan Geran Komuniti** merupakan antara beberapa dana luar yang dapat membantu kumpulan sasaran. Perkara ini secara tidak langsung dapat menjalinkan kerjasama yang erat antara pelajar dengan industri dan masyarakat bagi memastikan kumpulan sasaran mendapat manfaat daripada program yang telah dijalankan selari dengan BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. **(Bukti 6.4.3.3)**.

Bagi menangani risiko fasiliti dan ruang terhad, BHEP telah mengambil inisiatif menggunakan ruang sedia ada dan dinaiktaraf menjadi **Glass House, Speaker Corner dan Dewan Sri Selasih** sebagai ruang aktiviti pelajar atau **Student Centre (Bukti 6.4.3.4)**.

Perbincangan isu permohonan aktiviti pelajar telah dipanjangkan ke dalam mesyuarat BHEP UiTMCJ bagi mendapatkan solusi melalui teknik analisa **5W1H, Analisa SMART dan Analisa SCAMPER** bagi menyelesaikan isu ini. Seterusnya, pembinaan **prototaip sistem SPAP** telah dihasilkan **(Bukti 6.4.3.5)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_O01_OB04_OC03_20241_UiTMCJ_6.4.3.1_Penetapan PI.pdf](#)
2. [K0059_O01_OB04_OC03_20242_UiTMCJ_6.4.3.2_Yayasan Greeneration Indonesia.pdf](#)
3. [K0059_O01_OB04_OC03_20243_UiTMCJ_6.4.3.3_Geran dan Kerjasama.pdf](#)
4. [K0059_O01_OB04_OC03_20244_UiTMCJ_6.4.3.4_Glass House-Speaker Corner & Dewan Sri Selasih.pdf](#)
5. [K0059_O01_OB04_OC03_20245_UiTMCJ_6.4.3.5_Tindakan Penambahbaikan Sistem SPAP.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dalam usaha memudahcara **proses permohonan penganjuran aktiviti pelajar**, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTMCJ telah mengambil inisiatif **menginovasikan** proses permohonan aktiviti pelajar yang menggunakan borang bercetak kepada **sistem atas talian**. Sistem ini dinamakan **Sistem Permohonan Aktiviti Pelajar (SPAP)** dan penggunaannya telah memudahkan urusan pelanggan, menjimatkan masa dan kos serta meningkatkan kualiti perkhidmatan HEP kepada pelanggan terutamanya pelajar. Analisa impak positif penggunaan sistem SPAP ini telah didokumenkan dengan lengkap oleh BHEP antaranya **penjimatan masa permohonan dan kepuasan hati pelanggan (Bukti 6.5.1)**

Kebolehan dan kemahiran **kepimpinan** pelajar memimpin dan menerajui **pelaksanaan program-program universiti** telah menjadikan mereka lebih berani mengelola program-program berskala besar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti **Karnival Keusahawanan Zon Selatan 2023 dan Business Matching@KPT & Entrepreneurial Strategic Collaboration (ESC)**. Program ini adalah program Kementerian Pendidikan Tinggi melalui kerjasama dengan pelbagai agensi. Selain itu program **Uni-Nature Run@Segamat 2023** yang dianjurkan oleh Unit Kokurikulum, Majlis Perwakilan Komander Kesatria dan Persatuan Briged Sukarelawan UiTMCJ telah disertai oleh hampir 4,000 orang peserta **(Bukti 6.5.2)**.

Kecemerlangan kepimpinan ini dibuktikan dengan pelantikan pelajar UiTMCJ Nur Azlin Samad sebagai **Ahli Parlimen Belia Malaysia Negeri Johor 2023**. Manakala 3 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTMCJ pula telah menerima **Anugerah Kepimpinan Kesukanan Cemerlang, Anugerah Kepimpinan Kesukarelawan Cemerlang dan Anugerah Kepimpinan Kerohanian Cemerlang**. Tahun 2023 juga menyaksikan 2 pelajar siswi UiTMCJ telah menerima **Anugerah Siswa Johor Terbaik Kesukarelawan, Anugerah Siswa Johor Terbaik Kepimpinan dan Anugerah Menteri Besar Johor – Ikon Siswa Johor (Bukti 6.5.3)**

Bakat pelajar dalam bidang **keusahawanan** juga terserlah apabila mereka mampu menguruskan operasi **Pusat Inkubator Keusahawanan Spa & Sauna** di dalam kampus semasa sesi perkuliahan. Sifat cekal dan mandiri serta bijak menguruskan masa menjadi antara faktor penyumbang pelbagai kejayaan cemerlang mereka antaranya **Juara Kategori Perusahaan Sosial Pelajar Terbaik KPT 2023** dan satu-satunya projek komuniti di UiTM bertaraf **4 bintang**. Kejayaan menerapkan nilai **Empati (Empathy)** dalam diri pelajar juga diterjemahkan dengan pendaftaran hampir 2,000 pelajar UiTMCJ sebagai sukarelawan **Southern Volunteers** dan UiTMCJ melakar sejarah apabila menjadi universiti pertama melancarkan **Southern Volunteers (SV)** di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) **(Bukti 6.5.4)**.

Peranan rakan kerjasama strategik juga dilihat menyumbang kepada pencapaian cemerlang pelajar UiTMCJ hingga ke persada antarabangsa. Rakan strategik CGS CIMB sebagai contoh telah menaja penyertaan pelajar UiTMCJ di dalam **Pertandingan Cabaran Pelaburan**. Sehingga tarikh tutup penyertaan, seramai 316 orang pelajar UiTMCJ telah mendaftar dan merupakan penyertaan terbanyak di peringkat Malaysia. Jumlah keseluruhan penyertaan adalah seramai 1519 pelajar melibatkan lebih 174 IPTA dan IPTS di Malaysia Lebih mengujakan apabila pelajar UiTMCJ menjadi **Juara Cabaran Pelaburan ASEAN 2023 CGS International**. Sokongan rakan kerjasama strategik ini diharap akan berterusan dan menjadi platform melonjakkan pelajar UiTMCJ ke peringkat global **(Bukti 6.5.5)**

Kesimpulannya, berasaskan kerangka BT menggunakan formula kecemerlangan **#Johor4Excellence=K⁴E⁴** dan integrasi pembangunan yang holistik, pelbagai strategi penambahbaikan telah menjadi pemangkin keberhasilan pelajar **BeyondEd, FutureTalents** dan **Sociopreneur** seterusnya mencapai objektif strategik UiTMCJ **“Melahirkan Mahasiswa Budiman yang Gah di Mata Dunia”**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_O01_OB05_20241_UiTMCJ_6.5.1_SPAP.pdf](#)
2. [K0059_O01_OB05_20242_UiTMCJ_6.5.2 Program Universiti.pdf](#)
3. [K0059_O01_OB05_20243_UiTMCJ_6.5.3 Pemimpin Mahasiswa.pdf](#)
4. [K0059_O01_OB05_20244_UiTMCJ_6.5.4 Usahawan SV.pdf](#)
5. [K0059_O01_OB05_20245_UiTMCJ_6.5.5 Juara AIC 2023.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL SUMBER MANUSIA UiTMCJ

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar merupakan satu bidang yang memfokuskan kepada melahirkan pelajar yang berkualiti dan mempunyai nilai diri yang tinggi. Pencapaian **kemenjadian pelajar sebagai seorang manusia yang budiman dan terampil** adalah daripada hasil sumber manusia iaitu **staf dan ahli akademik yang berkualiti**. Hasil pencapaian sumber manusia diukur melalui tiga perkara iaitu **Penglibatan staf akademik dalam badan profesional, Penglibatan staf akademik dengan kepakaran keusahawanan dan Penglibatan staf dengan pengalaman industri**. Penglibatan staf ini adalah demi menghasilkan pelajar yang berkualiti dan ini menjadi pemangkin kepada peningkatan indeks kegirangan bagi warga UiTMCJ.

Badan profesional merupakan pertubuhan yang bertujuan memajukan sesuatu profesion di Malaysia. Badan ini bertanggungjawab dalam mengawal etika profesionalisma serta latihan kepada ahli-ahlinya. Bilangan staf akademik UiTMCJ yang menjadi ahli badan profesional pada tahun 2023 adalah seramai 73 orang. Pada tahun 2023, penglibatan staf dalam badan profesional telah mencecah angka **melebihi bilangan sasaran sebanyak 4.29%**. Jumlah ini telah meningkat sebanyak 9% daripada tahun 2022. Melihat kepada perbandingan, UiTMCJ **mencapai peratus tertinggi 104.3% jika dibandingkan dengan UiTM Cawangan Kelantan iaitu 40% dan UiTM Cawangan Sarawak 11.3%**. Penglibatan ahli akademik dalam badan-badan profesional membuka ruang interaksi yang lebih besar dengan pihak industri dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada pelajar.

UiTMCJ juga berjaya memperolehi bilangan staf akademik dengan **kelayakan profesional melebihi sasaran sebanyak 21.21%** untuk tahun 2023. Berlaku **peningkatan tren** sebanyak 29% pada tahun 2023 dan 11% pada tahun 2022. Pencapaian UiTMCJ juga dapat disokong oleh perbandingan yang ketara iaitu **UiTMCJ mencapai 121.2% berbanding UiTM Cawangan Perlis, 97.1% dan UiTM Cawangan Kelantan, 87.5%**. **Kelayakan profesional** dalam sesebuah bidang amat penting bagi memastikan staf akademik memenuhi *standard* tertentu dalam bidang dan secara tidak langsung dapat mengukur dan mencerminkan kepakaran staf akademik setara dengan pengamal industri. Hal ini secara tidak langsung dalam mencapai kecemerlangan di dalam bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar.

Keusahawanan merupakan satu proses untuk mengenalpasti peluang perniagaan dan juga banyak melibatkan gerak kerja inovasi serta risiko. Seramai 83 orang staf akademik UiTMCJ telah direkodkan mempunyai **kepakaran keusahawanan** dan telah dilantik menjadi mentor. Mentor adalah perlu bagi memastikan bidang keusahawanan ini mampu pergi lebih jauh. Angka ini **melebihi 1.22% daripada sasaran** yang ditetapkan. Bilangan staf akademik yang mempunyai kepakaran keusahawanan telah **meningkat secara konsisten dalam tempoh tiga tahun** berturut-turut. UiTMCJ telah mencapai **peratusan tertinggi iaitu 101.2% manakala UiTM Cawangan Perlis, 84.5% dan UiTM Cawangan Sarawak sebanyak 87.8%**. Penglibatan staf akademik dengan kepakaran keusahawanan ini menyumbang besar ke arah pencapaian pelajar yang cemerlang di dalam bidang keusahawanan.

Tahun 2023 telah merekodkan seramai 30 orang staf akademik mempunyai **pengalaman industri** dengan peratusan **melebihi 11.11% daripada sasaran** yang ditetapkan. Berlaku **peningkatan yang konsisten** terhadap bilangan staf yang mempunyai pengalaman industri selama tiga tahun berturut-turut. UiTMCJ mencapai **peratus tertinggi iaitu 111.1% berbanding UiTM Cawangan Perlis, 105.3% dan UiTM Cawangan Kelantan sebanyak 52.6%**. Pengalaman industri amat penting bagi setiap staf akademik kerana proses pekerjaan

salah satu aspek adalah memastikan kepada pelajar disamping dapat memahami konsep yang berkualiti dan bersedia untuk menyertai bidang pekerjaan. Ini memastikan pencapaian pelajar melangkaui pembelajaran konvensional.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0059_HB02_20241_UiTM CJ_HASIL 1.2 PERANCANGAN STRATEGIK_TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0059_HB03_20242_UiTM CJ_HASIL 1.3 PERANCANGAN STRATEGIK_TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0059_HB04_20243_UiTM CJ_HASIL 1.4 PERANCANGAN STRATEGIK_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0059_HB05_20244_UiTM CJ_HASIL 1.5 PERANCANGAN STRATEGIK_KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL TUMPUAN OPERASI UiTMCJ

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCJ membantu pelajar meneroka potensi diri mereka sebagai pendukung dan pewaris negara di masa hadapan dengan menyediakan sokongan menyeluruh dalam pelbagai peluang pembelajaran. Dengan menyediakan pengetahuan yang mendalam dan mengembangkan kemahiran dan nilai-nilai yang diperlukan untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang masing-masing, program akademik disesuaikan dengan keperluan industri yang memberi impak besar sepanjang tahun 2023. UiTMCJ memfokuskan kepada tiga keberhasilan pelajar melalui pelbagai inisiatif strategik.

Program pengantarabangsaan mobiliti pelajar mendokong inisiatif *BeyondEd*, memberikan peluang kepada pelajar UiTMCJ untuk belajar di luar negara, memperkaya pengalaman pendidikan mereka dengan pendedahan kepada sistem pendidikan, budaya, dan teknologi yang berbeza. Jumlah pelajar yang terlibat dengan program pengantarabangsaan meningkat setiap tahun dari tahun 2021 sehingga tahun 2023. Ketiga-tiga tahun ini merekodkan **pencapaian melebihi sasaran** yang ditetapkan sebanyak 40 orang sahaja. Antara program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2023 adalah **program pertukaran pelajar ke luar negara ke Universitas Perbanas, Indonesia, projek komuniti di antara UiTM & Greeneration Foundation Indonesia bertempat di Muara Gembong, Bekasi, Indonesia dan Program Mobiliti Antarabangsa UiTMCJ dengan kolaborasi bersama Universitas Batam (UNIBA)**. Bukan itu sahaja, perbandingan **penglibatan di antara UiTMCJ dengan rakan MOU seperti Indonesia Banking School (IBS), Jakarta, Universitas Batam (UNIBA) dan Federal University Dutse Nigeria** dalam program Pengantarabangsaan mobility pelajar di peringkat antarabangsa.

Bagi inisiatif **Sociopreneur, Program kesukarelawanan** di UiTMCJ bukan sahaja bertujuan untuk membantu komuniti, tetapi juga memainkan peranan penting dalam kemenjadian pelajar. Melalui penyertaan dalam aktiviti-aktiviti sukarelawan, pelajar dapat memperoleh pelbagai manfaat yang menyumbang kepada perkembangan peribadi dan profesional mereka. Antara program yang telah dijalankan adalah **Program Kesukarelawanan dan SULAM Antarabangsa UiTM Cawangan Johor dengan Kolaborasi Universitas Batam (UNIBA) Indonesia**. Pelajar-pelajar UiTMCJ juga telah terpilih menjadi **Sukarelawan Program Standard Chartered Singapore Marathon 2023 (SCSM)** pada 2 - 3 Disember 2023, bertempat di sekitar Singapura. UiTMCJ melebihi jumlah sasaran selama tiga tahun berturut-turut. **Keusahawanan** pelajar UiTMCJ di peringkat antarabangsa merupakan aspek penting dalam membentuk pelajar yang berdaya saing global. UiTMCJ menyediakan pelbagai inisiatif dan program untuk membantu pelajar mengembangkan kemahiran keusahawanan mereka di arena antarabangsa.

Melalui inisiatif **FutureTalents**, UiTMCJ menyokong penuh kesemua aktiviti yang dijalankan terutama melalui **program kepimpinan**. Hal ini dapat dijelaskan melalui pencapaian melebihi sasaran bagi jumlah program kepimpinan yang dijalankan oleh pelajar. Hasilnya, penekanan terhadap kepimpinan telah mendapat pengiktirafan **di peringkat Negeri Johor** dimana seorang pelajar telah berjaya merangkul **Anugerah Siswa Johor Terbaik kategori Kepimpinan** sempena Majlis Anugerah Ikon Siswa Johor 2023. Selain itu, Nur Raudhatul Jannah Abdul Rahman, pelajar ijazah Sarjana Muda Perakaunan telah berjaya memperoleh **Anugerah Menteri Besar Johor – Ikon Siswa Johor**.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0059_HB02_20241_2. UiTMCJ_HASIL 2 OPERASI_TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0059_HB03_20242_3. UiTMCJ_HASIL 2 OPERASI_TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0059_HB04_20243_4. UiTMCJ_HASIL 2 OPERASI_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0059_HB05_20244_5. UiTMCJ_HASIL 2 OPERASI_KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL PERANCANGAN STRATEGI UiTM CJ

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik merupakan perkara penting dalam sesebuah organisasi. UiTM CJ tidak terkecuali dimana di dalam Pelan Strategik UiTM 2025, pelbagai teras ditekankan. UiTM CJ secara dasarnya memberi penekanan kepada semua teras yang digariskan oleh UiTM termasuklah bidang tumpuan pilihan UiTM CJ iaitu Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UiTM untuk **melahirkan graduan holistik** yang berketerampilan daripada segi akademik, sahsiah dan kemahiran insaniah, untuk memenuhi keperluan global. Ini juga selaras dengan nilai **Pemerkasaan (Empowerment)** yang mengutamakan pengasahan bakat dan kemahiran pelajar serta memastikan pelajar dapat mencapai potensi maksimum mereka.

Terdapat pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan oleh UiTM CJ dalam usaha memastikan BT pengurusan dan pembangunan pelajar dapat dilaksanakan dengan baik, sejajar dengan **langkah kemenjadian pelajar yang berkompentensi dan mampu bersaing di peringkat global** Kejayaan yang telah diperolehi oleh UiTM CJ dalam beberapa perancangan program menunjukkan pelajar UiTM CJ berjaya bersaing di pelbagai peringkat. Antara pengukuran pencapaian yang dilihat adalah **bilangan pencapaian usahawan pelajar IPT yang menjalankan perniagaan di kampus sepanjang tempoh pengajian, bilangan pelajar yang menyertai program antarabangsa, dan bilangan pelajar yang terlibat dalam program inovasi dan teknologi.** Pencapaian petunjuk prestasi dengan **pencapaian melebihi 100 peratus** menunjukkan bahawa pelajar UiTM CJ adalah berkompentensi dan mampu bersaing di peringkat dunia. Ini juga menepati nilai **Enrichment** yang menekankan pengayaan ilmu dan pengalaman melangkaui pembelajaran konvensional.

Pemantauan pelaksanaan projek dibuat secara berkala dengan mengaplikasikan kaedah PDCA (Plan, Do, Check, Action). Dalam usaha untuk mencapai kemenjadian pelajar, pelbagai faktor dan strategi telah dilaksanakan oleh UiTM CJ dan tumpuan diberikan kepada tiga fokus keberhasilan pelajar iaitu **BeyondEd, FutureTalents** dan **Sociopreneur**. Sepanjang pelaksanaan dan pemantauan dibuat, UiTM CJ sentiasa memastikan **tindakan penambahbaikan dilaksanakan** bagi memastikan pelajar yang bergraduat dari UiTM CJ adalah yang bermutu tinggi. UiTM CJ sentiasa memastikan seluruh warga memberi kerjasama yang baik dalam usaha memastikan BT pengurusan dan pembangunan pelajar dapat dicapai.

Pencapaian pelajar turut dihebahkan melalui pelbagai platform bagi memastikan pelajar sentiasa memperolehi maklumat yang tepat, seterusnya membangkitkan semangat pelajar untuk menjadi lebih berkompentensi untuk memajukan diri dalam bidang akademik mahupun kokurikulum.

Hasil pencapaian pelajar UiTM CJ bukan sahaja dapat **mengharumkan nama UiTM CJ di peringkat nasional, malah turut membawa kemegahan kejayaan UiTM CJ sehingga ke peringkat antarabangsa**, dan diharapkan akan terus melebar sayap hingga ke persada dunia.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0059_HB02_20241_K7_1 UiTM CJ TAHAP HASIL 3 SUMBER MANUSIA_FINAL.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

[H3_K0059_HB04_20243_K7_3 UiTMCJ_PERBANDINGAN HASIL 3 SUMBER MANUSIA_FINAL.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0059_HB04_20243_K7_3 UiTMCJ_PERBANDINGAN HASIL 3 SUMBER MANUSIA_FINAL.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0059_HB05_20244_K7_4 UiTMCJ_KEPENTINGAN HASIL 3 SUMBER MANUSIA_FINAL.pdf](#)